

Jilid I
Bil. 16



Hari Khamis
6hb Januari, 1983

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA
SENATE

PARLIMEN KEENAM
Sixth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 1725]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Lembaga Letrik Sabah [Ruangan 1756]

Rang Undang-undang Pelaburan Kerajaan [Ruangan 1764]

Rang Undang-undang Insurans (Pindaan) [Ruangan 1767]

Rang Undang-undang Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan) [Ruangan 1812]

MALAYSIA

PARLIMEN KEENAM—DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

- Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, TAN SRI ISMAIL KHAN, P.S.M., P.N.B.S., B.K.T., P.P.T. (Dilantik).
- .. Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO HAJI MOHAMED BIN NASIR, S.P.M.K., J.M.N., J.P. (Kelantan).
- .. Timbalan Yang Dipertua, DATO SULAIMAN BIN NINAM SHAH, S.P.M.J., S.S.I.J., J.M.N., B.S.I., P.I.S., J.P. (Dilantik).
- .. TUAN HAJI ABDUL JALIL BIN ABDUL RAHMAN (Dilantik).
- .. TUAN ABDUL RAZAK BIN HAJI ABU SAMAH, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- .. TAN SRI DATO' HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSAIN, P.S.M., D.S.W., D.S.A.P., J.S.M., S.M.P. (Dilantik).
- .. TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Dilantik).
- .. TUAN ABDULLAH BIN SALLEH (Perlis).
- .. DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN (Dilantik).
- .. TUAN ALEXANDER Y. L. LEE (Dilantik).
- .. TUAN HAJI ARIFFIN BIN HAJI SALLEH, K.M.N., S.M.K. (Dilantik).
- .. TUAN BASHARON BIN HANAPIAH (Dilantik).
- .. DATO' CHIN KIM YOONG, D.P.C.M., A.M.P., P.P.T. (Dilantik).
- .. DATUK CHOO CHING HWA, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K., P.P.N., P.M.K., J.P. (Dilantik).
- .. DATUK CHUA SONG LIM, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., J.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Johor).
- .. TUAN HAJI FADZIL BIN AHMAD, A.M.N. (Kedah).
- .. TUAN FADZIL BIN MAHMOOD, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Perlis).
- .. DATO' S. GOVINDARAJ, D.P.M.S. (Dilantik).
- .. PUAN HAFSAH BINTI OTHMAN (Dilantik).
- .. PUAN HASNAH BINTI MOHD. KASIM *alias* HASNAH FATIMAH BINTI HAJI MOHD. KASIM, A.M.N., P.J.K., P.P.N. (Trengganu).

- Yang Berhormat TUAN H'NG HUNG YONG (Dilantik).
- .. TUAN HAJI IBRAHIM BIN ABDULLAH, A.M.N., A.M.P., P.J.K., J.P. (Perak).
- .. TUAN IBRAHIM BIN SALLEH, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- .. TUAN ISHAK BIN ABDUL RAHMAN, A.M.N., P.J.K. (Pulau Pinang).
- .. DATO' ISMAIL BIN HASHIM, D.P.S.M., K.M.N., A.M.N., P.B.M., J.P. (Melaka).
- .. TUAN JAAFAR BIN HARUN (Dilantik).
- .. DATUK JAMES BERNARD WILLIE, P.G.D.K. (Sabah).
- .. PUAN SRI JANAKI ATHI NAHAPPAN (Dilantik).
- .. TUAN R.M. JASNI, B.K. (Dilantik).
- .. DATO' KAM WOON WAH, D.I.M.P., J.P. (Dilantik).
- .. TUAN SYED KAMARULZAMAN BIN SYED BAHALDIN ALJAMLUD, K.M.N., A.M.N. (Selangor).
- .. TUAN KEE YONG WEE (Dilantik).
- .. TUAN KENNETH KANYAN ANAK TEMENGGONG KOH, K.M.N., J.B.S. (Sarawak).
- .. DATO' KHOO KAY POR, D.M.P.N., J.M.N., J.P. (Pulau Pinang).
- .. TUAN K. KUMARAN, K.M.N., P.M.P., P.P.T., J.P. (Dilantik).
- .. TUAN HAJI LATIP BIN HAJI DRIS (Dilantik).
- .. TUAN LOH KEE PENG, P.J.K., J.P. (Melaka).
- .. TUAN LOO SWEE MOK, A.M.N., P.P.N. (Pahang).
- .. DATIN HAJAH MAHIMON BINTI HAJI HARUN, S.M.P., A.M.N., J.P. (Pahang).
- .. DATO' HAJI MAHMOUD *alias* MAHMOUD SALIM BIN HAJI MOHAMAD, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Trenghanu).
- .. DATUK HAJI MOHD. DIN BIN JAAFAR, P.G.D.K., A.D.K., B.K. (Dilantik).
- .. DATO' HAJI MOHD. NOR MOHAMAD, D.P.M.S., J.M.N., S.M.T., S.M.S., P.J.K. (Dilantik).
- .. TUAN M. K. MUTHUSAMY, K.M.N., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Dilantik).
- .. PUAN NEN ABIDAH BINTI ABDULLAH (Dilantik).
- .. TUAN HAJI NORDIN BIN PESAH, K.M.N., A.M.N., P.J.K., J.P. (Negeri Sembilan).
- .. DATO' HAJI OTHMAN BIN HAJI ABDULLAH, D.P.M.J., P.C.M. (Dilantik).
- .. TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).

- Yang Berhormat TUAN PARAMJIT SINGH (Dilantik).
- .. DATO' G. PASAMANICKAM, S.P.M.J., D.P.M.J., D.S.I.J., P.I.S.,
B.S.I., J.S.M., A.M.N., J.P. (Dilantik).
- .. PUAN RAGAYAH BINTI ARIFF, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Dilantik).
- .. TUAN HAJI SHAHAROM BIN MAASOM (Dilantik).
- .. TAN SRI DATUK DR C. SINNADURAI, P.S.M., P.S.D., P.N.B.S.,
D.P.M.P., J.M.N., S.M.K., C.M.B., P.J.K. (Dilantik).
- .. TUAN TAN CHANG SOONG, A.M.N. (Dilantik).
- .. TUAN TING MING HIA *alias* TING MING HOI (Sarawak).
- .. TUAN D. P. VIJANDRAN (Dilantik).
- .. TUAN WONG KIE NAI (Dilantik).
- .. DATO' WONG SENG CHOW, A.M.N., J.P. (Negeri Sembilan).
- .. TUAN HAJI TUAN YAACOB BIN HAJI ENGKU YUNUS, P.P.N.
(Kelantan).
- .. DATO' YAP PENG *alias* YAP PIANG TAU, D.P.M.S. (Selangor).
- .. TAN SRI DATUK YEH PAO TSU, P.S.M., P.G.D.K., A.M.N. (Sabah).
- .. TAN SRI ZAITON IBRAHIM BIN AHMAD, P.S.M. (Dilantik).

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Haji Ahmad Hasmuni bin Haji Hussein.

Timbalan Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap.

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA
DEWAN NEGARA

Khamis, 6hb Januari, 1983

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Timbalan Yang Dipertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

RUMAH-RUMAH KERAJAAN
DIKAMPUNG PANDAN—
MENGGANTIKAN

1. Tuan Abdul Razak bin Haji Abu Samah minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk mendirikan semula rumah-rumah kediaman yang lebih baik dan moden bagi menggantikan rumah-rumah kakitangan di Kampung Pandan, Kuala Lumpur, kerana rumah-rumah itu tidak sesuai lagi di zaman kekurangan kawasan tanah sekarang ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi): Tuan Yang Dipertua, pada masa ini Kerajaan tidak ada apa-apa cadangan untuk mendirikan rumah kediaman bagi menggantikan rumah-rumah Kerajaan di Kampung Pandan.

SYARIKAT LUAR NEGERI—
AMBILALIH

2. Dato' Haji Mohd. Nor bin Mohamad minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada Kerajaan akan

menimbangkan rancangan meng-ambilalih syarikat-syarikat asing di luar negeri yang menggunakan teknologi tinggi dan bahan mentah kita dengan tujuan kesudahannya memindahkan operasi dan teknologi sedemikian ke negara kita.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Shahrir bin Abdul Samad): Tuan Yang Dipertua, pada ketika ini Kerajaan tidak mempunyai rancangan untuk mengambilalih syarikat-syarikat di luar negeri yang mempunyai teknologi tinggi dan menggunakan bahan mentah kita dengan tujuan untuk memindahkan operasi syarikat tersebut ke negara kita. Rancangan seperti ini boleh dikendalikan oleh para usahawan tempatan jika didapati sesuai. Walau bagaimanapun, Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia melalui program galakan pelaburannya memberi tumpuan utama kepada syarikat-syarikat di luar negeri seperti yang dimaksudkan itu supaya meluaskan dan memindahkan operasi mereka kepada Malaysia bukan sahaja untuk keperluan tempatan tetapi juga untuk pasaran eksport. Usaha seperti ini telah membawa beberapa kejayaan terutamanya di bidang perusahaan yang berasaskan getah, minyak kelapa sawit dan perkapuan.

Timbalan Yang Dipertua: Yang Berhormat Tuan Kee Yong Wee.

Tuan Loo Swee Mok: Tuan Yang Dipertua, soalan No. 3.

**RUMAH KOS RENDAH/
SEDERHANA—PELAN-PELAN
SERAGAM**

3. Tuan Loo Swee Mok (*Dibawah S.O. 23 (2)*) minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) sama ada beliau ingin mengaturkan pelan-pelan seragam bagi pembinaan rumah sederhana dan kos rendah agar kos pembinaan dapat dikurangkan dan seterusnya akan memberi manfaat kepada pembeli-pembeli rumah; dan
- (b) sama ada dasar Perumahan Kebangsaan dapat dilaksanakan demi kepentingan pembeli-pembeli rumah, pemaju-pemaju dan mewujudkan suasana pelaburan yang lebih sihat dalam perusahaan perumahan.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Puan Napsiah binti Omar): Tuan Yang Dipertua, (a) saya memang sedar cadangan untuk mengadakan pelan-pelan seragam bagi rumah kos rendah dan kos sederhana dengan tujuan mengurangkan kos dan seterusnya memberi manfaat kepada pembeli-pembeli rumah. Setakat ini pihak Kementerian memang ada mengeluarkan garis panduan untuk membina rumah kos rendah. Garis panduan ini digunakan oleh Kerajaan Negeri dalam pembinaan rumah-rumah kos rendah itu. Beberapa Penguasa Tempatan seperti Majlis Perbandaran Seberang Perai ada menggunakan pelan seragam untuk kawasan luar bandar. Pelan-pelan itu dijual terus kepada individu yang ingin menggunakan pelan-pelan tersebut.

(b) Dasar Perumahan Kebangsaan sememangnya digubal dan dilaksanakan untuk kepentingan

pembeli-pembeli rumah, pemaju-pemaju dan mewujudkan suasana pelaburan yang lebih sihat dalam perusahaan perumahan.

**RUMAH KOS RENDAH OLEH
PERBADANAN KEMAJUAN
NEGERI—SYARAT-SYARAT
PEMBERIAN**

4. Tuan Basharon bin Hanafiah minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa sepatutnya rumah-rumah yang telah didirikan oleh Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri atau oleh Jabatan Perumahan Negara adalah untuk diberikan kepada rakyat yang belum mempunyai rumah, mengikut syarat-syarat yang ditentukan, tetapi ada di antara rumah-rumah yang tersebut telah diberikan kepada orang-orang yang sudah pun mempunyai rumah ataupun kepada orang-orang tertentu dengan tidak mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan itu.

Puan Napsiah binti Omar: Tuan Yang Dipertua, saya sememangnya sedar bahawa sepatutnya rumah-rumah kos rendah yang didirikan oleh Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri atau oleh Jabatan Perumahan Negara adalah untuk diberikan kepada rakyat yang belum mempunyai rumah.

Untuk makluman Yang Berhormat, pada umumnya permohonan rumah-rumah tersebut adalah diproses dengan rapi untuk menentukan hanya pemohon yang belum mempunyai rumah akan dipertimbangkan. Bagi tujuan ini tiap-tiap pemohon perlu memberi maklumat lengkap dan betul mengenai diri mereka. Maklumat-maklumat ini adalah digunakan untuk memproses permohonan-permohonan yang diterima. Untuk mempercepatkan proses pemilihan pembeli yang berjaya beberapa negeri telah menggunakan sistem komputer.

Walau bagaimanapun, pernah terjadi rumah telah dijual kepada pemohon yang telah mempunyai rumah tetapi telah menyembunyikan hal demikian dengan memberi maklumat yang palsu dalam borang permohonannya. Dalam hal ini Kerajaan perlu mendapat maklumat dari orang ramai untuk menjalankan siasatannya dan untuk tujuan ini nama-nama pembeli bagi rumah awam kos rendah adalah dipamerkan. Apabila didapati seseorang pemohon adalah tidak layak untuk mendapat rumah tersebut maka tindakan menarik balik tawaran itu akan diambil.

Tan Sri Dato' Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Soalan tambahan. Adalah Kerajaan bercadang menasihatkan atau memberi sebarang bantuan kepada perbadanan-perbadanan semacam S.E.D.C. supaya bila membuat rumah dapat diturunkan kadar harganya. Tuan Yang Dipertua, pada masa membuat rumah itu berharga \$90,000 dan sekarang ini rumah itu sudah siap sudah berharga \$210,000, tentulah tak dapat, lebih-lebih lagi bumiputra memiliki rumah itu kerana harganya melambung tinggi. Soalan tambahan saya, adakah Kerajaan bercadang menasihatkan atau memberi geran kepada S.E.D.C. Perbadanan Kemajuan Negeri-negeri yang membangunkan rumah dengan harga yang murah bagi membolehkan sekurang-kurangnya bumiputra memiliki rumah tersebut.

Puan Napsiah binti Omar: Tuan Yang Dipertua, Kementerian sudah pun mengadakan/menetapkan harga-harga rumah ini. Sekiranya rumah dikatakan rumah kos rendah harganya ialah \$25,000 ke bawah dan rumah yang dikatakan rumah kos sederhana pula dianggarkan di antara \$100,000 hinggalah ke bawah dan atas daripada \$100,000 itu dikatakan rumah-rumah yang berharga kos tinggi. Jadi

terpulanglah kepada pihak S.E.D.C. untuk menggunakan kebijaksanaan-nya untuk menentukan harga-harga rumah ini mengikut garis panduan yang telah pun disediakan oleh Kementerian.

Tuan Abdul Razak bin Abu Samah: Tuan Yang Dipertua, saya ingin bertanya di atas rumah-rumah yang didirikan oleh Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri atau oleh Jabatan-jabatan Perumahan Negara yang mana saya selalu melihat, berjalan menengokkan rumah-rumah yang dibuat oleh kedua-dua agensi ini sudah bertahun-tahun tidak bertunggu, terbengkalai begitu sahaja sehinggakan lalang, rumput sudah naik sehingga pada hari ini belum pun ada penghuni-penghuni yang lain.

Oleh itu, saya ingin tahu apakah sebab-sebabnya yang terjadi begini sedangkan rakyat berkehendakkan rumah dengan seberapa segera.

Puan Napsiah binti Omar: Tuan Yang Dipertua, pemberian rumah-rumah ini ataupun memilih pembeli-pembelinya, terutama rumah-rumah kos rendah ini adalah terpulang kepada Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat tidaklah campur tangan di sini, hanya menyediakan garis-garis panduan kepada Kerajaan Negeri.

Tuan Loo Swee Mok: Tuan Yang Dipertua, adakah pihak Kementerian yang berkenaan bercadang melaksanakan satu projek lain seumpama membahagikan tapak rumah sahaja kepada rakyat yang belum mempunyai rumah khususnya rakyat yang duduk di kampung baru supaya mereka dapat membina rumah dengan perbelanjaan sendiri.

Puan Napsiah binti Omar: Tuan Yang Dipertua, rancangan yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat ini ada juga dijalankan di beberapa buah negeri dan ini rasa saya

terpulanglah kepada tiap-tiap Kerajaan Negeri untuk menjalankan rancangan ini.

Timbalan Yang Dipertua: Yang Berhormat Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah.

Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar; Tuan Yang Dipertua, soalan No. 5.

PENGANGKUTAN PERKAPALAN DAN PENERBANGAN ANTARABANGSA— PENYERTAAN BUMIPUTRA

5. Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Menteri Pengangkutan menyatakan bilangan Bumiputra yang telah melibatkan diri di dalam pengangkutan perkapalan dan penerbangan antarabangsa dan adakah penglibatan mereka berjalan dengan secara usaha sama dengan negara-negara asing dan jika ya, nyatakan nama negara-negara tersebut.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Dato' Abu Hassan bin Haji Omar): Tuan Yang Dipertua, setakat ini hanya empat syarikat perkapalan Malaysia telah melibatkan diri di dalam pengangkutan perkapalan antarabangsa. Syarikat-syarikat tersebut adalah:

- (i) Perbadanan Perkapalan Antarabangsa Malaysia (M.I.S.C.) dengan saham yang dimiliki oleh Kerajaan sebanyak 62.5%, warganegara Malaysia sebanyak 14.2%, syarikat-syarikat tempatan memiliki sebanyak 13.6% dan orang-orang asing memegang saham sejumlah 9.7%. Orang-orang asing itu adalah daripada Singapura, Hong Kong, India, Thailand, Amerika Syarikat dan Canada.

- (ii) Syarikat Perkapalan Perbadanan Nasional (PNSL) yang dimiliki oleh PERNAS. Syarikat ini baru ditubuhkan pada tahun 1982.

- (iii) Syarikat Gaya Shipping Sdn Bhd di Sabah yang dimiliki oleh warganegara Malaysia dengan penyertaan equiti oleh M.I.S.C. sebanyak 49%.

- (iv) Syarikat Perkapalan Yayasan Sabah yang dimiliki oleh Yayasan Sabah.

Di dalam pengangkutan perkapalan persisiran (coastal shipping) sebanyak 30 Syarikat Bumiputra yang merupakan 29.12% daripada jumlah syarikat-syarikat tempatan telah melibatkan diri. Dalam hubungan ini, Kerajaan sentiasa berusaha untuk memberi galakan yang sepenuhnya kepada pengusaha-pengusaha tempatan bagi melibatkan diri di dalam industri perkapalan. Insentif-insentif kewangan telah pun diberi seperti cuti cukai selama 12 tahun dengan tambahan 12 tahun lagi (dengan syarat-syarat tertentu), kemudahan-kemudahan, latihan ada juga disediakan seperti Akademi Laut Malaysia di Melaka serta undang-undang Cabotage di mana pengangkutan perkapalan persisiran dihadkan kepada hanya pemilik-pemilik kapal Malaysia telah juga dikuatkuasakan.

Mengenai penerbangan antarabangsa, hanya Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) menjalankan perkhidmatan penerbangan antarabangsa berjadual. Selain dari itu, dua syarikat, kedua-dua syarikat Bumiputra telah melibatkan diri di dalam perkhidmatan antarabangsa tidak berjadual, secara sendiri.

Dua syarikat Bumiputra yang dimaksudkan di atas ialah Sabah Air yang telah menjalankan perkhidmatan antara Sabah ke Zamboanga, Filipina

dan Pan Malaysia Air Transport yang menjalankan perkhidmatan antara Melaka ke Pekan Baru Sumatra, Indonesia.

Dato' Haji Mohd. Nor Mohamad: Soalan tambahan. Tuan Yang Dipertua. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada satu dasar Kerajaan telah diwujudkan bahawa satu syarikat seperti MAS adalah penuh hakmilik Kerajaan.

Pertanyaan saya sama ada Kerajaan ada rancangan mewujudkan satu syarikat perkapalam penuh hak milik Kerajaan. Kalau tidak, sama ada Kerajaan akan menjual saham-saham MAS supaya tidak menjadi hak milik penuh Kerajaan.

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang Dipertua, kalau tidak silap saya pertanyaan tadi adalah sama ada Kerajaan akan mengadakan sebuah syarikat seperti syarikat perkapalan bagi syarikat penerbangan antarabangsa yang mana saham-sahamnya adalah dimiliki oleh orang ramai.

Dari segi syarikat penerbangan antarabangsa iaitu MAS yang mana ianya dimiliki oleh 100% oleh Kerajaan, buat sekarang ini tidak ada rancangan Kerajaan untuk menjualkan saham-sahamnya kepada orang-orang persendirian ataupun orang awam. Ini adalah kerana pada keseluruhannya syarikat-syarikat penerbangan antarabangsa adalah sama ada dipunyai oleh Kerajaan ataupun 100% dipunyai oleh syarikat swasta seperti di tempat-tempat yang lain. Ini adalah perlu oleh kerana ada kaitannya dengan dasar-dasar pengangkutan udara ataupun penerbangan awam yang dikuasai oleh Kerajaan. Kalau ada syarikat-syarikat persendirian yang ingin ditubuhkan oleh pihak-pihak yang tertentu, maka ini adalah tertakluk kepada keputusan Kerajaan.

Tan Sri Dato' Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Tuan Yang Dipertua, adakah Kerajaan bercadang hendak mengadakan satu undang-undang atau peraturan supaya sebarang syarikat yang dimodali oleh Kerajaan lebih sahamnya tidak boleh dijual kepada warganegara asing kerana satu-satu syarikat yang dimodali oleh Kerajaan sudah tentu Kerajaan akan menjaga dan melindungi kestabilan syarikat itu sendiri. Dengan demikian, warganegara asing itu dengan sendirinya mendapat untung daripada campur saham yang dilindungi oleh Kerajaan. Adakah Kerajaan bercadang memikirkan semula pada masa yang akan datang supaya tidak ada warganegara asing mencampuri dalam mana-mana saham-saham yang ada hubungan dengan kemasukan saham Kerajaan di dalamnya.

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang Dipertua, kemasukan saham-saham ataupun warganegara asing di dalam syarikat-syarikat yang ditaja oleh Kerajaan dalam negara kita ini adalah disebabkan faktor-faktor yang tertentu. Di antaranya, selain daripada kewangan ialah kepakaran dan juga dari segi pasaran. Jadi, adalah sukar untuk Kerajaan membuat satu dasar yang tetap yang mana kita tidak membenarkan sahan-saham daripada warganegara asing dimasukkan ataupun disertai di dalam syarikat-syarikat kita, akan tetapi mereka hanya dibenarkan mengambil ekuiti ataupun saham-saham dalam syarikat Kerajaan sekiranya perkhidmatan mereka seperti yang saya katakan tadi diperlukan iaitu dari segi kewangan, kepakaran dan juga pasaran.

PEGAWAI PERUBATAN KERAJAAN

6. Dato' Yap Peng minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa tugas-tugas dan

tanggungjawab berat Pegawai-pegawai Perubatan Kerajaan adalah sama sekali tidak seimbang dengan gaji dan kemudahan-kemudahan yang mereka terima. Jika sedar, nyatakan langkah-langkah positif yang telah diambil bagi memperbetulkan keadaan ini.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang Dipertua, sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, struktur gaji untuk pegawai-pegawai perubatan ialah sebahagian dari struktur gaji keseluruhannya, yang telah bersetuju dilaksanakan oleh Kerajaan, mengikut prinsip-prinsip dan syor-syor yang telah dikemukakan oleh Jawatankuasa Kabinet Mengenai Gaji. Walau bagaimanapun, saya sedar bahawa oleh kerana terdapat kekosongan jawatan pegawai perubatan, maka pegawai-pegawai yang sedang bertugas di hospital-hospital sekarang memikul bebankerja yang lebih berat dari biasanya.

Untuk mengatasi masalah ini Kementerian Kesihatan telah membuat beberapa syor yang tertentu kepada agensi-agensi Kerajaan yang terlibat dalam masalah syarat-syarat perkhidmatan untuk pegawai-pegawai Kerajaan, termasuk pegawai-pegawai perubatan. Kementerian ini juga telah memperolehi lebih banyak jawatan-jawatan tingkatan-tertinggi untuk memberikan peluang-peluang kenaikan pangkat yang lebih baik kepada pegawai-pegawai perubatan.

Saya berharap dengan ini pegawai-pegawai perubatan akan mendapat kemudahan-kemudahan dan insentif yang lebih baik dalam masa akan datang. Bilangan penuntut-penuntut dalam fakulti-fakulti perubatan jua telah ditambah supaya kita dapat mengisikan kekosongan yang wujud sekarang ini dengan adanya lebih ramai lagi doktor-doktor yang akan menamatkan pengajian mereka dari universiti-universiti tempatan.

PEJABAT PENGANGKUTAN JALAN—KESESAKAN

7. Tuan M. K. Muthusamy minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada beliau sedar masih ada lagi pejabat-pejabat pengangkutan yang sesak dengan pembayaran-pembayaran cukai jalan dan sama ada Kementerian mempunyai rancangan untuk mengatasi masalah kesesakan ini.

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang Dipertua, saya sedar bahawa masih ada lagi Pejabat-pejabat Pengangkutan Jalan yang sesak dengan pembayar-pembayar lesen kereta motor. Tetapi, sukalah saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat dari Dewan yang mulia ini bahawa beberapa rancangan jangka pendek dan juga jangka panjang telah dan sedang dilaksanakan bagi mengatasi masalah kesesakan itu.

Di antara langkah-langkah jangka pendek adalah seperti berikut:

- (i) Lesen Kereta Motor persendirian boleh diperbaharui di semua Pejabat Pengangkutan Jalan di Semenanjung Malaysia.
- (ii) Tarikh luput Lesen Kereta Motor tidak lagi dihadkan pada pertengahan dan penghujung bulan sahaja tetapi pada bila-bila masa ataupun hari yang berkenaan dengan tujuan mengelakkan kesesakan pada penghujung ataupun pertengahan bulan.
- (iii) Lesen Memandu Jenis Kelas B3 iaitu untuk motosikal di bawah 90 c.c. boleh dikeluarkan di semua Pejabat Pengangkutan Jalan.
- (iv) Melanjutkan perkhidmatan kaunter bagi membaharui lesen kereta motor dan lesen memandu sehingga pukul

- 3.30 petang pada hari-hari bekerja setengah hari dalam masa kesibukan, di mana perlu.
- (v) Membuka pejabat-pejabat kecil sementara bagi tujuan memberikan perkhidmatan membarui lesen kereta motor dan lesen memandu di seluruh negara. Setakat ini, Jabatan Pengangkutan Jalan telah menubuhkan sebanyak 13 buah Pejabat-pejabat Kecil Sementara di seluruh negara di sepanjang tahun 1981 dan 1982. Beberapa buah pejabat-pejabat kecil akan didirikan, sementara menunggu pejabat-pejabat tetap Jabatan Pengangkutan Jalan yang lebih selesa dan lengkap disiapkan di dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat.
- (vi) Mengambil bahagian di dalam pemberian perkhidmatan setempat yang diperkenalkan oleh Kerajaan baru-baru ini, iaitu dengan membuka kaunter untuk pembaharuan lesen memandu dan jika ruang yang diperuntukkan mencukupi pembaharuan lesen kereta motor boleh juga diperbuat.
- (vii) Mengubahsuaikan kontena untuk dijadikan sebagai pejabat sementara di Butterworth yang sedang diuruskan.
- Di antara langkah-langkah jangka panjang adalah seperti berikut:
- (i) Melanjutkan tempoh lesen kereta motor bagi semua kenderaan Kerajaan daripada satu hingga lima tahun.
- (ii) Melanjutkan tempoh lesen memandu kenderaan daripada tiga tahun maksima kepada satu tempoh yang lebih panjang lagi.
- (iii) Menyediakan perkhidmatan "Drive-in Counter" untuk urusan membarui lesen memandu dan juga lesen kereta motor.
- (iv) Memperkenalkan sistem "pool car" bagi mempercepatkan ujian memandu kereta, supaya orang ramai tidak tertunggu-tunggu begitu lama.
- (v) Memperbesarkan ruang pejabat yang sedia ada.
- (vi) Membina Pejabat-pejabat Cawangan dan Pejabat-pejabat Kecil di luar Ibu Negeri supaya perkhidmatan J.P.J. boleh diagih-agihkan. Projek-projek ini terkandung di bawah Rancangan Malaysia Keempat.
- (vii) Membina Pejabat-pejabat baru yang lebih selesa di atas tapak-tapak yang lebih luas bagi pejabat-pejabat Ibu Negeri di bawah Rancangan Malaysia Keempat.
- (viii) Menambah bilangan perjawatan seperti kerani-kerani kaunter.
- (ix) Memperkenalkan sistem komputer J.P.J. dengan pelancaran projek SIKAP (Sistem Informasi Kenderaan dan Pemandu) pada awal tahun 1982. Sistem ini bertujuan untuk meninggikan mutu perkhidmatan J.P.J. supaya orang ramai boleh mendapat maklumat dan perkhidmatan yang cepat dan cekap tanpa menunggu masa yang lama.

Kementerian saya memberi jaminan bahawa semua masalah-masalah yang dihadapi oleh rakyat dalam hubungannya dengan Jabatan Pengangkutan Jalan boleh diatasi dan akan terus dihapuskan dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat ini juga sekiranya negara berkemampuan untuk memenuhi jumlah peruntukan yang diperlui bagi melaksanakan beberapa rancangan pembangunan yang telah disediakan oleh Jabatan tersebut.

Tuan Abdul Wahab bin Abu Bakar: Tuan Yang Dipertua, kita menyanjung tinggi di atas rancangan untuk membaiki sistem JPJ pada keseluruhannya seperti yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi tetapi memandangkan, dengan izin, pertambahan population kereta-kereta berjentera ini lebih cepat daripada pertambahan penduduk, kenapakah pejabat-pejabat cawangan J.P.J. di daerah-daerah itu pada masa ini tidak dibenarkan menerima sebarang pembayaran pembaharuan road tax umpamanya bagi kenderaan-kenderaan perniagaan di mana semuanya terpaksa berpusu-pusu menunggu berhari-hari di ibu pejabat negeri-negeri. Rasa saya kenderaan-kenderaan perniagaan ini, kita terpaksa bersimpati dengan keadaan mereka. Kebanyakan daripada pemandu-pemandu dan pemilik-pemilik kenderaan ini adalah ahli-ahli perniagaan yang waktu sangat berharga bagi mereka. Rasa saya rancangan jangka pendek ini patutlah disegerakan supaya pejabat-pejabat J.P.J. Daerah itu dibolehkan menerima sebarang apa pembayaran di peringkat daerah itu. Ini lebih melicinkan dalam jangka waktu yang singkat dan tidak banyak berlaku "behind the counter" dan "under the counter" dan sebagainya.

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang Dipertua, saya menghargai pandangan Ahli Yang Berhormat

mengenai perkara ini. Cuma ingin saya betulkan bahawa hanya di Pejabat-Pejabat Kecil, bukan Pejabat-Pejabat Cawangan, yang mana kita tidak dapat menyediakan perkhidmatan bagi membaharui lesen kereta perdagangan (commercial vehicles). Pejabat-Pejabat Cawangan adalah merupakan pejabat-pejabat yang mempunyai perkhidmatan yang sama dengan pejabat-pejabat di peringkat negeri. Akan tetapi di Pejabat-pejabat Kecil, yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, iaitu yang mana telah ditubuhkan sebagaimana saya katakan tadi sebanyak 13 di dalam negara ini dan sebanyak 19 lagi akan ditubuhkan, adalah untuk memberi perkhidmatan bagi membaharui lesen-lesen memandu dan juga lesen-lesen kereta awam dan juga di mana sesuai untuk menguji pemandu-pemandu untuk mendapatkan lesen-lesen motosikal. Di tempat-tempat ini tidaklah dapat kita sediakan kakitangan-kakitangan teknikal yang perlu menyiasat kenderaan-kenderaan perdagangan ini terlebih dahulu sebelum lesen kereta-kereta itu diperbaharui. Jadi sebagai permulaan, Tuan Yang Dipertua, Pejabat-Pejabat Kecil ini hanya memberi perkhidmatan itu sahaja bagi membolehkan orang-orang awam membaharui lesen mereka, tetapi bagi jangka masa yang agak panjang belumlah dapat dipastikan. Sebagaimana saya katakan tadi saya menghargai pandangan Ahli Yang Berhormat itu.

BEKALAN DAGING LEMBU IMPORT

8. Dato' Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) sama ada beliau sedar bekalan daging lembu, kerbau dan kambing dan sebahagian besar dari bekalan tersebut terpaksa

diimport dari luar negeri dan mengapakah Majuternak dibubarkan;

- (b) bagaimanakah kedudukan ladang-ladang Majuternak di negeri Sarawak, Johor, Trengganu dan lain-lain selepas Majuternak dibubarkan; dan
- (c) apakah rancangan Kementerian ini untuk memenuhi keperluan orang ramai di negara ini berhubung dengan bekalan daging lembu, kerbau dan kambing.

Timbalan Menteri Pertanian (Dato' Chin Hon Ngian): Tuan Yang Dipertua,

- (a) Kementerian Pertanian memang sedar di atas bekalan daging yang perlu diimport. Kawalan import melalui permit dan lesen adalah di bawah bidang tanggungjawab Kementerian ini.

Pembubaran MAJUTERNAK, tidak ada kena mengena dengan import daging. Tindakan ini diambil berasaskan kepada pengubahsuaian objektif Kerajaan. Sebahagian besar daripada tugas-tugas Majuternak masih berterusan dijalankan oleh agensi-agensi Kerajaan yang sedia ada. Pemasaran dan import daging adalah terbuka kepada semua pihak dan bekalan daging di dalam pasaran tempatan adalah memuaskan.

- (b) semua ladang Majuternak di Semenanjung Malaysia diserahkan kepada Jabatan Perkhidmatan Haiwan. Ladang di Sg. Karabungan, Sarawak diserahkan kepada Kerajaan Negeri Sarawak.

- (c) Sukacita dijelaskan bahawa tidak ada kekurangan bekalan daging di dalam pasaran untuk orang ramai. Kekurangan daripada bekalan tempatan dipenuhi dengan bekalan daging yang diimport.

Sementara itu, Kementerian Pertanian melalui Jabatan Perkhidmatan Haiwan sedang giat melaksanakan rancangan ternakan dalam bidang lembu, kerbau dan kambing melalui pekebun-pekebun kecil dengan tujuan menambahkan bekalan daging tempatan.

PUSAT PENGUMPULAN SUSU

9. Tuan Ishak bin Abdul Rahman minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada beliau sedar bahawa penternak-penternak susu lembu baka baik di bawah subsidi Kerajaan tidak dapat memasarkan susu-susu mereka di kawasan-kawasan Seberang Perai Tengah dan bilakah Kerajaan bercadang hendak mendirikan Pusat Pembelian susu di kawasan tersebut.

Dato' Chin Hon Ngian: Tuan Yang Dipertua, sebuah Pusat Pengumpulan Susu berhampiran dengan kawasan berkenaan sedang dalam peringkat pembinaan iaitu urusan panggilan tender untuk membinanya hampir selesai. Walaupun demikian, sebagai langkah sementara alat-alat untuk kutipan, penyejukan, simpanan dan pemerosesan sedang dibekal untuk menampung apa sahaja susu yang dikeluarkan oleh penternak-penternak berkenaan. Alat kelengkapan tersebut akan dipasang di Pejabat Haiwan Sungai Bakap yang wujud sekarang.

Dato' G. Pasamanickam: Soalan tambahan, Tuan Yang Dipertua. Adakah Kerajaan bertujuan untuk memperluaskan penternak-penternak

susu lembu baka baik di seluruh negara. Kedua, adakah Kerajaan memberi kebenaran kepada agensi-agensi swasta untuk memproseskan susu lembu bagi menampung keperluan orang ramai.

Dato' Chin Hon Ngian: Tuan Yang Dipertua, untuk menjawab soalan pertama, memang hasrat Kerajaan berbuat begitu. Untuk menjawab soalan kedua, memang ini boleh dipertimbangkan.

SISTEM JUMAAH PENGURUS SEKOLAH

10. Tuan Ibrahim bin Salleh minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kementerian bercadang untuk mengkaji semula Sistem Jumaah Pengurus Sekolah yang ada berjalan sekarang ini.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Mohamed Khalil Yaakob): Tuan Yang Dipertua, buat masa ini Kementerian Pelajaran tidak ada cadangan untuk mengkaji semula sistem Lembaga Pengurus Sekolah atau Lembaga Pengelola Sekolah yang ada berjalan sekarang ini.

UNDANG-UNDANG ANAK ANGKAT/PENCEN PESARA

11. Puan Hasanah binti Md. Kassim minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) sama ada Kementerian akan mengadakan Undang-undang anak angkat yang dipelihara dari semenjak kecil menuntut hak yang sama ke atas pencen bapa/ibu angkatnya; dan
- (b) berapa lamakah seseorang pesara itu akan menerima wang bonos dan wang pencennya setelah bersara.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang Dipertua, mengenai soalan yang pertama, suka saya menyatakan bahawa undang-undang baru tidak diperlukan oleh kerana Akta Pencen 1980 telah memberikan kuasa kepada Yang di-Pertuan Agong untuk membuat peraturan-peraturan bagi menetapkan kepada siapa pencen terbitan yang diberi. Yang di-Pertuan Agong telah berkenan dengan peraturan Pencen 1980 di bawah P.U. (A) 136/80 yang mengandungi istilah anak seperti berikut:

Anak ertinya anak pegawai yang mati:

(a) yang berumur kurang daripada 21 tahun, termasuklah:

(1) anak yang lahir sesudah meninggalnya ayah;

(2) anak tiri tanggungan atau anak tidak setaraf yang dikandung sebelum kematian pegawai itu;

(3) anak yang diambil sebagai anak angkat sebelum kematian pegawai itu di bawah mana-mana undang-undang bertulis adat atau kelaziman; dan

(4) anak yang diambil sebagai anak angkat sebelum kematian pegawai yang menganuti agama Islam sama ada atau tidak di bawah mana-mana undang-undang bertulis adat atau kelaziman; atau

(b) Tidak kira apa juga umurnya yang cacat otak atau hilang upaya dari segi jasmani secara kekal dan yang tidak upaya menanggung nafkahnya sendiri.

Menyentuh soalan kedua pula, pencen perkhidmatan akan dibayar kepada pesara sepanjang hayat pesara, kecuali apabila diberhenti oleh kerana pesara dihukum menjadi bankrup atau diisytiharkan sebagai tidak berkemampuan oleh sesuatu mahkamah atau disabitkan dengan kesalahan yang dikenakan hukuman mati oleh sesuatu mahkamah. Pencen terbitan dan Elaun Bersara Terbitan yang dibayar kepada seseorang tanggungan pegawai pencen yang meninggal dunia di dalam perkhidmatan atau pesara yang meninggal dunia itu adalah bagi selama hayat selagi bermastautin di Malaysia tertakluk kepada syarat bahawa bayaran kepada balu dan duda ialah sebanyak 70% selepas tempoh 12½ tahun daripada tarikh kematian pegawai atau pesara berkenaan.

Pencen Terbitan atau Elaun Bersara Terbitan kepada anak-anak tanggungan ialah sehingga mencapai umur 21 tahun atau tidak mendapat pendidikan di satu institusi pelajaran tinggi tidak melebihi pelajaran yang menuju ke ijazah pertama mengikut mana yang lebih dahulu. Bayaran bonos atau ganjaran adalah merupakan bayaran wang tunai sekaligus yang dibuat sekali sahaja pada tarikh bersara.

PENUNTUT-PENUNTUT MCE/SPM DIHANTAR KE LUAR NEGERI

12. Tuan D. P. Vijandran minta Menteri Pelajaran menyatakan berapa ramai penuntut-penuntut dengan kelayakan MCE/SPM yang telah dihantar ke luar negeri untuk melanjutkan pelajaran tinggi serta butir-butir pecahan mengikut kursus yang diambil oleh mereka.

Dato' Mohamed Khalil Yaakob: Tuan Yang Dipertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, seramai 2,598 penuntut-penuntut

dengan kelayakan M.C.E. telah dihantar ke luar negeri pada tahun 1982 untuk melanjutkan pelajaran tinggi. Butir-butir mengikut pecahan kursus adalah seperti berikut:

<i>Kursus</i>	<i>Jumlah</i>
Kejuteraan	722
Seni bina/Perancang Bandar	196
Sastera/Perdagangan/Akauntansi/ Ekonomi/Perundangan	675
Sains	659
Ukur Bahan/Ukur Tanah	40
Metrikulasi	306
JUMLAH	<u>2,598</u>

BAS PELANCONGAN SEBAGAI BAS EKSPRES

13. Tuan K. Kumaran minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada beliau sedar, bas-bas pelancongan digunakan sebagai bas ekspres di Semenanjung Malaysia. Jika sedar, apakah tindakan yang diambil terhadap bas-bas tersebut dan nyatakan apakah akan terjadi dari segi undang-undang jika sekiranya bas itu ditimpa kemalangan. Nyatakan jumlah bas pelancongan yang digunakan sebagai bas ekspres yang ditimpa kemalangan dan beri jumlah kehilangan jiwa.

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang Dipertua, Kementerian saya sedar bahawa ada bas-bas persiaran ataupun bas pelancongan yang menjalankan perkhidmatan bas secara bas ekspres.

Tindakan penguatkuasaan senantiasa diambil ke atas bas-bas persiaran ini dari masa ke semasa oleh tiap-tiap Pejabat Pengangkutan Jalan di Semenanjung. Bas-bas persiaran yang didapati melakukan kesalahan dengan melanggar syarat-syarat yang dinyatakan dalam Permit atau Surat Kebenaran Kenderaan Perkhidmatan Awam biasanya akan dikenakan denda yang dikompoun atau

dihadapkan ke Mahkamah. Terdapat juga beberapa kes di mana permit-permit digantung atau dibatalkan.

Bas-bas persiaran ini biasanya atau kebanyakannya mempunyai perlindungan insuran yang menyeluruh (comprehensive) dan tidak terhad kepada penumpang-penumpang untuk tujuan pelancongan sahaja. Oleh hal yang demikian, penumpang-penumpang adalah terlindung oleh insuran.

Kini, perangkaan mengenai kemalangan di jalan raya adalah diselenggarakan oleh Pejabat Polis Diraja Malaysia. Mengikut sumber ini jumlah kemalangan yang melibatkan semua jenis bas-bas adalah sebanyak 4,231 kemalangan pada tahun 1981 dan 3,335 kemalangan dan pada bulan Januari sehingga September tahun yang sudah. Perangkaan mengenai jumlah kemalangan serta jumlah kehilangan jiwa yang melibatkan bas-bas persiaran sahaja memang tidak disediakan.

Tuan Abdul Razak bin Abu Samah: Tuan Yang Dipertua, saya ingin bertanya berapakah jumlah permit ataupun lesen yang telah dibatalkan yang menjalankan cara yang tidak betul.

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang Dipertua, jumlah semua bas persiaran yang ada dalam negara ini adalah sebanyak 417 dan kes-kes yang telah didapati berlaku di dalam tahun 1981 ialah sebanyak 695. Bagi tahun yang sudah dari Januari hingga Oktober adalah sebanyak 466 kes. Permit yang telah dibatalkan adalah sebanyak 15 dan yang telah digantung adalah sebanyak 17.

NEGERI TRENGGANU— KEKURANGAN DOKTOR

14. Puan Hasanah binti Md. Kassim minta Menteri Kesihatan menyatakan mengapakah Negeri Trengganu hingga

sekarang masih kekurangan doktor-doktor Kerajaan dan apakah tindakan Kementerian tersebut dalam perkara ini.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang Dipertua, seperti yang mana Ahli Yang Berhormat sedia maklum dan sepertimana saya katakan sebentar tadi Kerajaan sedang menghadapi masalah tentang kekurangan doktor dalam perkhidmatan kesihatan. Oleh hal yang demikian, Kementerian Kesihatan terpaksa menghantar doktor-doktor yang sedang berkhidmat kepada semua negeri dengan sama rata. Dukacitanya Negeri Trengganu jua terlibat dalam masalah ini.

Pada masa ini terdapat 63 orang pegawai perubatan yang sedang berkhidmat di Negeri Trengganu. Kementerian Kesihatan sedang menempatkan 3 orang lagi pegawai perubatan ke Negeri Trengganu dan mereka akan melaporkan diri tidak lama lagi.

Tuan Fadzil Mahmood: Soalan tambahan. Sebab-sebab kekurangan doktor itu adalah disebabkan oleh doktor itu berhenti ataupun meletakkan jawatan ataupun membuat kerja di sektor swasta. Jadi sebab-sebab yang selalu disebutkan ialah kerana masalah gaji rendah. Setakat manakah Kerajaan sekarang ini bertindak untuk mengatasi masalah yang disebutkan oleh doktor-doktor ini.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang Dipertua, masalah gaji ialah satu masalah yang dihadapi oleh semua pegawai perubatan. Oleh sebab itu, sepertimana saya memberi jawapan awal petang ini, gaji pegawai perubatan ialah satu bahagian daripada struktur gaji keseluruhannya yang dipersetujui oleh Kerajaan mengikut satu syor yang dikemukakan kepada Kerajaan oleh satu

Jawatankuasa Kabinet mengenai gaji. Jikalau kita hendak mengubah gaji, misalnya, untuk pegawai perubatan sahaja, ini tentu ada implikasi kepada struktur-struktur yang lain. Oleh hal yang demikian, saya sendiri telah membawa perkara ini untuk pengetahuan Kerajaan supaya barangkali lain-lain kemudahan boleh diberi kepada doktor. Misalnya, elaun-elaun, lebih banyak lagi peluang kenaikan pangkat dan baru-baru ini dengan adanya kerjasama pihak Jabatan Perkhidmatan Awam kita pun sudah mendapat berbagai kemudahan-kemudahan yang belum diumumkan lagi oleh kerana satu keputusan yang muktamad belum diambil atas perkara ini. Tetapi saya boleh katakan di sini bahawa agensi-agensi Kerajaan yang terlibat ini adalah bersimpati dengan kes-kes doktor-doktor ini.

Tuan Abdul Razak bin Abu Samah:

Soalan tambahan. Tentang kekurangan doktor yang mana telah berulang kali Yang Berhormat Menteri menerangkan kepada Dewan yang mulia ini, saya ingin mencadangkan sekarang tiap-tiap doktor apa yang saya dapat tahu adalah diwajibkan kontrak tiga tahun. Apa salahnya kerana kekurangan doktor buat sementara waktu ini kontrak ini dilanjutkan sehingga lima tahun baru boleh mereka itu berhenti sementara kita menunggukan keluaran penuntut-penuntut universiti tempatan dan universiti luar negeri.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang Dipertua, terima kasih. Memang Kementerian Kesihatan sedang mengkaji soalan ini sama ada kita harus melanjutkan lagi perkhidmatan kewajipan untuk doktor-doktor tetapi nampaknya tiga tahun sekarang ini adalah adil dan saksama tetapi perkara ini sentiasa dikaji oleh Kementerian dan juga Kerajaan.

**MAS—KERUGIAN
YANG DIALAMI**

15. Tuan K. Kumaran minta Menteri Pengangkutan menyatakan tindakan yang diambil untuk mengurangkan kerugian yang dialami oleh Malaysia Airline System (MAS) pada tahun 1981. Adakah beliau bercadang memansuhkan penerbangan-penerbangan di dalam dan luar negeri yang tidak membawa keuntungan.

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang Dipertua, seperti syarikat-syarikat penerbangan antarabangsa yang lain, MAS juga menghadapi tekanan kemerosotan ekonomi dalam industri penerbangan awam akibat dari kemelesetan ekonomi dunia. Keadaan ekonomi dunia ini telah mengakibatkan kekurangan permintaan pasaran dari segi perjalanan udara dan menyebabkan hasil pendapatan syarikat-syarikat penerbangan merosot. Secara menyeluruh, ini telah menimbulkan kedudukan kekurangan terafik dan akibat daripada itu syarikat-syarikat penerbangan, untuk mendapat terafik bagi perkhidmatannya telah menjalankan aktiviti pemotongan tambang yang tidak selaras dengan peraturan-peraturan tambang yang ditentukan oleh pihak IATA. Persaingan yang tidak sihat ini telah mengurangkan pendapatan syarikat-syarikat penerbangan.

Selain dari faktor yang disebutkan di atas itu, MAS juga menghadapi kos operasi yang tinggi akibat daripada keadaan inflasi di dunia sekarang ini. Kerugian yang dialami oleh MAS bagi tahun kewangan 1981/82 merupakan kerugian yang pertama dialami oleh MAS sejak ia memulakan operasinya dalam tahun 1972. Di antara faktor-faktor utama yang menyebabkan kerugian ini ialah:

- (i) Kadar bayaran faedah (interest rates) bagi pinjaman asing untuk pembelian

pesawat-pesawat baru seperti Airbus ke 4 dan B747, telah meningkat kepada 17% bagi tahun 1981/82 berbanding dengan 8% bagi tahun-tahun sebelumnya;

- (ii) Perbelanjaan-perbelanjaan permulaan (pre-operational expenses) bagi operasi pesawat B747 yang melibatkan kos latihan juruterbang-juruterbang dan juga jurutera-jurutera telah dimasukkan dalam kiraan akaun 1981/82;
- (iii) Sungguhpun harga minyak telah stabil semenjak setahun yang lalu, perbelanjaan kos minyak telah bertambah kerana kekuatan matawang Amerika Syarikat dalam pertukaran asing; dan
- (iv) Perlaksanaan tanggungaji baru bagi pekerja-pekerja MAS mulai tahun 1981/82.

Beberapa langkah yang berkesan telah pun dan sedang diambil oleh MAS untuk memperbaiki kedudukan kewangannya dengan mengurangkan kos operasinya.

Antara langkah-langkah yang diambil oleh pihak MAS ialah pembekuan pengambilan kakitangan. Bersabit dengan ini hanya kategori pekerja yang amat diperlukan sahaja diambil. Bagaimanapun program ini adalah dilaksanakan dengan berhati-hati untuk memastikan bahawa taraf perkhidmatan dan kecekapan syarikat tidak terjejas.

Selain dari itu, MAS juga telah melancarkan beberapa rancangan untuk tujuan meningkatkan lagi mutu produktiviti kakitangan dengan menyemak semula tugas-tugas semua kategori kakitangan serta memperbaiki untuk memperkemas peraturan-peraturan kerja yang sedia ada. Struktur organisasi MAS juga diubahsuai secara berperingkat

dengan tujuan menghasilkan satu struktur penyusunan syarikat yang lebih kukuh dan berkesan.

Kos minyak adalah merupakan satu perbelanjaan yang besar dari segi kos operasi bagi semua syarikat penerbangan. Untuk menjimatkan kegunaan minyak, MAS telah memperkenalkan sistem pengurusan minyak berkomputer untuk menentukan bahawa kegunaan bahan bakar adalah lebih "effective".

Dari segi latihan pula, MAS telah membekalkan tiga "flight simulator" untuk mengendalikan latihan bagi juruterbang-juruterbangnya. Dengan ini MAS dapat mengurangkan perbelanjaan untuk melatih juruterbang-juruterbangnya di negara-negara asing.

Mengenai aktiviti penyelenggaraan MAS, sebuah kompleks kejuruteraan sedang dibina dan dijangka siap pada tahun 1985. Dengan adanya kompleks baru ini, yang akan dilengkapi dengan alat-alat moden, MAS akan dapat menjalankan aktiviti penyelenggaraan bagi pesawat-pesawatnya sendiri. Langkah ini akan dapat mengurangkan sebahagian besar perbelanjaan yang terlibat dalam aktiviti penyelenggaraan pesawat.

Mengenai bahagian kedua soalan Ahli Yang Berhormat itu iaitu sama ada MAS akan memansuhkan penerbangan-penerbangan di dalam dan di luar negeri yang tidak membawa keuntungan, ingin saya memaklumkan bahawa bagi perkhidmatan antarabangsa MAS, Kementerian dan MAS sedang mengkaji dengan mendalam lalulintas terafik dari masa ke semasa untuk memastikan bahawa MAS tidak mengalami kerugian yang besar dengan mengadakan perkhidmatan seumpama ini. Bagaimanapun, sebelum apa-apa langkah diambil

terhadap perkara ini, kepentingan dan operasi MAS dari jangka masa panjang akan dikaji dengan teliti terlebih dahulu.

Bagi perkhidmatan MAS dalam negeri pula perlu saya menjelaskan bahawa perkhidmatan-perkhidmatan yang penting dari segi perhubungan, khususnya penerbangan ke kawasan-kawasan pedalaman, perkhidmatan-perkhidmatan ini akan terus dikekalkan bagi kepentingan rakyat.

Pada keseluruhannya MAS dari masa ke semasa senantiasa menyemak semula jadual-jadual penerbangannya untuk menentukan bahawa pesawat dan kerap perkhidmatan bagi sesuatu sektor adalah selaras dengan permintaan lalu-lintas. Sekiranya terdapat kepastian dan kerap perkhidmatan ke sesuatu sektor adalah lebih daripada permintaan terafik, tindakan yang sesuai akan diambil setelah mengambil kira kepentingan sosial dan mendapat kelulusan daripada Kerajaan.

Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar:

Tuan Yang Dipertua, saya suka bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan, adakah penerbangan shuttle atau penerbangan ulang-alik antara Singapura dan Kuala Lumpur ini dianggap oleh Kementerian menguntungkan kerana ada terdapat penumpang-penumpang lebih dahulu membuat tempahan, nama mereka tempah lebih dahulu kepada penerbangan berjadual (scheduled flight) tetapi mereka membeli tiket shuttle di lapangan terbang, adakah ini menguntungkan.

Menurut pendapat saya, Tuan Yang di-Pertua, penumpang-penumpang yang mengikuti penerbangan berjadual ini adalah semata-mata memberikan subsidi kepada penumpang-penumpang dalam penerbangan ulang-alik ini.

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang Dipertua, perkhidmatan shuttle daripada Kuala Lumpur ke Singapura adalah untuk mengurangkan kos dan juga dari segi menentukan bahawa sesiapa juga yang ingin menaiki kapalterbang daripada Singapura ke Kuala Lumpur dan sebaliknya akan dapat berbuat demikian tanpa membuat apa-apa tempahan. Tetapi buat sementara waktu memang dibenarkan sesiapa juga yang ingin membuat tempahan bagi mendapatkan tempat penerbangan yang tertentu tetapi mereka terpaksa membayar harga yang lebih. Jadi, bermaknalah bahawa dasar yang sebenarnya bagi mengadakan shuttle service ini adalah untuk membolehkan sesiapa yang pergi ke lapangan terbang dan hendak pergi ke Singapura membuat perjalanan tanpa tempahan. Kita menggalakkan dan ingin meminta kerjasama daripada keseluruhan rakyat untuk berbuat demikian supaya tidak membuat tempahan lebih awal.

**PENDATANG HARAM—
KEMASUKAN**

16. Puan Ragayah binti Ariff minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan apakah usaha Kementerian untuk meningkatkan lagi sekatan kemasukan pendatang-pendatang haram ke negara ini, dan sama ada kedatangan mereka boleh menjejaskan keamanan negara ini.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed): Tuan Yang di-Pertua, di dalam usaha untuk mengatasi kemasukan pendatang haram ke negara ini, beberapa langkah telah diambil oleh Kerajaan termasuklah membesarkan lagi Unit Penguatkuasa Jabatan Imigresen, meningkatkan lagi rondaan oleh Tentera Laut dan Polis Marin. Di samping itu serbuan juga dikendalikan ke atas kawasan-kawasan yang disyaki adanya pendatang-pendatang haram.

Hasil daripada tindakan tegas Kerajaan, kehadiran mereka setakat ini tidaklah menjejaskan keamanan negara.

Tuan Fadzil bin Mahmood: Tuan Yang Dipertua, sekarang ini kita membincangkan mengenai masalah pendatang haram ini melalui jalan laut. Adakah Kementerian sedar bahawa pendatang haram ini ada juga yang datang ke Malaysia ini melalui jalan darat seperti di sempadan negeri Kedah, Perlis ataupun Kelantan.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang Dipertua, ada. Oleh sebab itu saya perkatakan tadi bahawa kita membesarkan lagi Unit Penguatkuasa Jabatan Imigresen, yakni kita mengawasi di entry point masing-masing.

Tuan Abdul Razak bin Abu Samah: Soalan tambahan. Ini saya hendak bertanya, berhubung dengan pendatang haram. Saya ingin bertanya kalau boleh dijawab iaitu berhubung dengan pendatang haram Vietnam yang masih ada, saya hendak tahu berapakah jumlah yang masih ada lagi di Malaysia kita ini sama ada di Pulau Bidong dan juga di Jalan Seremban dan di tempat-tempat lain.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang Dipertua, saya dapat beri figure atau angka yang tepat iaitu berasaskan 5hb Januari, 1983 yang mana angkanya berjumlah 8,579. Dan di antara itu sukalah juga saya memberi tahu kepada Dewan yang mulia ini bahawa secara perbandingan dengan angka pada tahun 1979 dahulu, ialah 103,054. Baki yang berjumlah 8,579 merupakan satu kejayaan yang besar. Ini adalah satu kebanggaan rakyat di atas usaha-usaha Kerajaan, yang mana kekurangan ini mencerminkan satu kekurangan yang boleh dikatakan begitu besar sekali. Saya rasa eloklah kita mengucap

tahniah kepada pasukan petugas kita yang dengan gigihnya menyelenggarakan tugas bersama-sama dengan UNHCR dan Persatuan Bulan Sabit Merah. Kita juga mengucap berbilang-bilang terima kasih kepada negara-negara ketiga yang tidak putus-putus, mengambil pendatang-pendatang haram ini, setelah mereka diproses di Kem Sungai Besi.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA LETRIK SABAH

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (5hb Januari, 1983).

Timbalan Yang Dipertua: Jemput Yang Berhormat Datuk Haji Mohd. Din.

5.26 ptg.

Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar: Tuan Yang Dipertua, menyambung semula ucapan saya pada petang semalam, saya telah menyarankan supaya kakitangan Lembaga Letrik Sabah yang sedia ada akan dapat dipertingkatkan lagi mutu perkhidmatan mereka melalui usaha daripada Lembaga Letrik Negara. Dan lagi mutu perkhidmatan mereka ini juga seharusnya dipertanggungjawabkan daripada segi kecekapan yang lebih baik walaupun mungkin terdapat sebilangan kakitangan Lembaga Letrik Sabah tidak mencapai kelulusan persekolahan yang diperlukan dalam kenaikan pangkat dan sebagainya.

Tuan Yang Dipertua, saya sedar bahawa pengambilalihan kuasa dan tanggungjawab oleh Kerajaan Persekutuan terhadap Lembaga Letrik Sabah adalah satu bebanan yang mana Kerajaan Pusat akan menanggung pembayaran hutang piutang Lembaga Letrik Sabah dengan mengambilalih gerenti pinjaman-pinjaman yang dibuat oleh Lembaga tersebut sepertimana hydro electric yang dibuat di Taman Pangi kalau tidak silap saya, Lembaga tersebut telah meminjam sebanyak \$200 juta daripada Bank Pembangunan Asia dan gerenti adalah dibuat oleh Kerajaan Persekutuan, dan pinjaman tersebut kalau tidak silap saya ialah pada tahun 1973, waktu itu saya sendiri yang berada di Manila bagi mewakili Lembaga Letrik Sabah.

Tuan Yang Dipertua, oleh kerana pengambilalihan ini janganlah dianggap ianya merupakan sebagai satu bebanan nanti yang mana akan menyebabkan pula kenaikan-kenaikan charge atau kos-kos yang akan dikenakan kepada pengguna-pengguna kuasa elektrik di negeri tersebut. Pada masa ini kalau difikirkan pengguna-pengguna di Sabah telah membayar lebih tinggi daripada apa yang mereka bayar di Semenanjung Malaysia yang mana di Sabah mereka kenalah membayar sebanyak 45 sen bagi tiap-tiap unit iaitu bagi 100 unit pertama dan seterusnya 35 sen dan 26 sen tiap-tiap satu unit yang dibayar di Semenanjung Malaysia adalah lebih murah jika dibandingkan. Jadi, saya berharap supaya penyeragaman harta unit ini juga akan dapat diseragamkan dengan apa yang dibayar oleh pengguna-pengguna di Semenanjung Malaysia. Oleh kerana penjanaan kuasa di Sabah adalah masih bergantung kepada penggunaan diesel dan demikian juga barangkali sebahagian daripadanya di Semenanjung Malaysia masih mempunyai jana kuasa yang menggunakan diesel dan harga minyak

diesel pula di antara Semenanjung dan Sabah adalah sama, yang saya hairan harga kos di Sabah ini terlalu tinggi jika dibandingkan dengan apa yang terdapat di Semenanjung Malaysia.

Tuan Yang Dipertua, demikian juga mungkin terdapat perbezaan di antara skel-skel tanggagaji yang berlainan di antara skel-skel gaji kakitangan Lembaga Letrik Negara dan Lembaga Letrik Sabah. Kalaulah skel gaji Lembaga Letrik Sabah tinggi dan saya berharap janganlah diturunkan dan kalaulah skel Lembaga Letrik Negara pula rendah, janganlah pula skel yang terdapat di Sabah itu direndahkan. Kalau boleh ditetapkan menurut keadaan skel yang ada sekarang. Ini bergantung kerana kedudukan sara hidup di Sabah adalah berlainan di antara 30%-40% lebih tinggi daripada sara hidup yang terdapat di Semenanjung Malaysia. Jadi, inilah saya khuatir jika persamaan ini nanti skel-skel gaji di Lembaga Letrik Negara rendah, yang di Sabah pula terpaksa menurun. Jadi, saya khuatir mungkin kakitangan-kakitangan yang ada berkhidmat dalam Lembaga Letrik Sabah ini akan memilih pekerjaan yang lain.

Di samping itu juga, Tuan Yang Dipertua, dalam usaha Lembaga Letrik Sabah ini bagi melatih bumiputra di Sabah memang telah ternyata banyak bumiputra yang telahpun dikeluarkan menjadi Jurutera Elektrik (Electrical Engineer) yang dilatih di luar negeri khususnya di London. Juga saya percaya mereka ini sudah tentu penuh dengan pengalaman-pengalaman dan diharapkan mereka ini akan terus mendapat bimbingan yang lebih baik dan diberi peluang untuk berkhidmat di Semenanjung Malaysia bagi menambahkan lagi pengetahuan-pengetahuan yang ada pada mereka, mungkin sebelumnya Lembaga Letrik

Sabah ini diambilalih oleh Perbadanan Persekutuan tugas-tugas mereka itu hanyalah sekadar di negeri Sabah sahaja. Jadi, dengan adanya pengambilalih ini nanti jurutera-jurutera muda yang baru terlatih, yang baru keluar, yang telahpun mendapat ijazah dan sebagainya akan dapat memainkan peranan mereka yang lebih penting lagi di Semenanjung Malaysia dan juga saya percaya mereka ini sudah tentu tidak akan meninggalkan profesion mereka kerana sukar untuk mereka berkhidmat di bahagian-bahagian yang lain. Tetapi walau bagaimanapun haruslah Kementerian berkenaan mengambil perhatian, mungkin sekiranya mereka ini jika tidak diberikan peluang-peluang yang memuaskan ada kemungkinan mereka ini akan meninggalkan jawatan mereka dan menubuhkan syarikat-syarikat mereka sendiri sepertimana yang kerap kali berlaku.

Tuan Yang Dipertua, saya juga berharap kepada Ahli-ahli Lembaga Pengarah yang tetap dikekalkan terdiri daripada anak negeri Sabah sendiri akan sentiasa memberikan kepada Kementerian apa-apa juga perkara-perkara yang akan timbul dan akan dapat diatasi dengan sebaik-baiknya.

Dengan itu, Tuan Yang Dipertua, saya tidak akan berpanjang lebar dalam soal ini, jadi dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang Lembaga Letrik Sabah itu. Sekian.

Timbalan Yang Dipertua: Saya nampak tidak ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang hendak bercakap dan saya jemput Menteri yang berkenaan untuk menjawab.

3.35 ptg.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Datuk Clarence E. Mansul): Tuan Yang Dipertua, terlebih dahulu

suka saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Tan Sri Dato' Haji Abdul Razak Husain dengan pandangannya berkenaan dengan Rang Undang-undang yang ada di hadapan Dewan yang mulia sekarang ini.

Pada pendapat saya soal pampasan yang akan dituntut oleh kedua-kedua Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak tidak ada kaitan dengan perasaan sayang atau kurang sayang kepada Kerajaan Persekutuan. Saya percaya Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak serta rakyatnya walaupun jauh dari Semenanjung tidak kurang sayangnya kepada Kerajaan Persekutuan jikalau dibanding dengan rakyat di negeri-negeri lain di Semenanjung ini.

Seperti yang saya katakan dalam ucapan saya kelmarin, satu jawatankuasa untuk membincang dan mengkaji perkara ini yang terdiri dari wakil Perbendaharaan Persekutuan, pegawai-pegawai kanan dari Kementerian saya dan wakil dari Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak telahpun dibentuk. Saya percaya bahawa keputusan yang dicapai kelak akan memuaskan semua pihak. Pampasan yang akan diterima kelak saya percaya akan digunakan oleh kedua-kedua Kerajaan Negeri itu dalam projek-projek pembangunan yang terletak di bawah bidang tugas Kerajaan Negeri. Seperti Yang Berhormat sedia maklum, kedua-dua negeri itu masih jauh ketinggalan dalam semua bidang pembangunan. Oleh yang demikian segala usaha pembangunan untuk kedua-dua negeri ini mesti mengambil kira tentang hakikat ini.

Saya juga ucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Haji Mohd. Din Jaafar dengan pandangannya. Saya suka menyatakan sekali lagi bahawa apabila Lembaga Letrik Sabah diletakkan di bawah kelolaan Kementerian saya, Kementerian saya akan memainkan

peranan yang lebih aktif. Peranan ini termasuklah mengkaji masalah-masalah yang dihadapi oleh Lembaga Letrik Sabah dalam semua bidang.

Dalam penerimaan balik penurunan kuasa ini suka saya membetulkan laporan akhbar yang tersiar di negeri Sabah pada hari ini yang menyatakan L.L.N. akan mengambilalih L.L.S. L.L.S. akan merupakan satu agensi Persekutuan yang berasingan dari L.L.N. dan adalah tidak betul L.L.N. akan mengambilalih L.L.S. seperti yang telah dilaporkan.

Mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat supaya lebih ramai lagi pegawai-pegawai Lembaga Letrik Negara yang berpengalaman ditugaskan di Lembaga Letrik Sabah untuk meninggikan lagi prestasi Lembaga Letrik Sabah, suka saya memaklumkan bahawa Kementerian saya akan memupuk kerjasama yang lebih erat di antara Lembaga Letrik Negara, Lembaga Letrik Sabah dan SESCO apabila ketiga-tiga badan pembekalan elektrik ini diletakkan di bawah jagaan Kementerian ini. Kerjasama ini akan meliputi semua bidang dan ini termasuklah pinjaman pegawai-pegawai yang berpengalaman dan berkelayakan di antara ketiga-tiga badan ini.

Yang Berhormat juga meminta supaya lebih banyak lagi rancangan bekalan elektrik diadakan untuk kawasan pedalaman di Sabah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, suka saya memberitahu bahawa semua rancangan bekalan elektrik di kawasan pedalaman dilakukan dalam Rancangan L.L.B. mengikut kemampuan Kerajaan.

Dalam Rancangan Malaysia Keempat, peruntukan negeri Sabah yang dibiayai bersama-sama oleh Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri

ialah \$100 juta untuk 216 buah projek yang akan memberi kemudahan bekalan elektrik kepada lebih kurang 30,000 pengguna.

Mengenai projek-projek tenaga seperti mini-hidro tenaga suria dan lain-lain, pengalaman di Semenanjung akan juga diperluaskan ke Sabah dan juga Sarawak menerusi Kementerian saya. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kementerian saya mempunyai satu unit tenaga yang telah diperluaskan baru-baru ini dan unit ini sedang mengkaji semula sumber tenaga yang ada di negara kita serta membuat rancangan jangka panjang untuk memastikan supaya negara kita mendapat bekalan tenaga yang cukup dan terjamin di masa hadapan.

Yang Berhormat juga menyoal mengapakah rancangan Joint ASEAN Electricity Supply dibuat sedangkan bekalan elektrik belum lagi dinikmati di seluruh negara terutamanya di Sabah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan juga Dewan yang mulia ini, suka saya menegaskan bahawa projek Joint ASEAN Electricity Supply ialah salah satu daripada rancangan kerjasama negara-negara ASEAN yang bertujuan mengumpulkan punca tenaga elektrik bagi faedah bersama. Ia juga akan memberi pertolongan dari satu negara kepada satu negara dalam masa kecemasan dan kekurangan tenaga elektrik di masa akan datang.

Masalah memberi pembekalan kepada semua penduduk di sesebuah negeri ialah masalah pembahagian tenaga elektrik yang akan terus dijalankan seperti di L.L.B. Yang Berhormat Senator juga telah menyentuh tentang sumbangan yang perlu dibuat oleh para pengguna yang terletak 60 kaki jauh dari supply main dan tentang mengapa bayaran \$1.00 sebulan dikenakan ke atas meter. Perkara ini juga akan dikaji bersama dengan perkara-perkara yang lain

yang telah dibangkitkan dan ini akan diberi perhatian yang sewajarnya oleh Lembaga Letrik Sabah yang bakal ditubuhkan itu.

Mengenai tarif yang baru disentuh oleh Yang Berhormat, saya suka memberitahu bahawa Kerajaan Negeri Sabah telahpun meluluskan bahawa harga tenaga elektrik tidak lebih dari 30 sen satu unit purata. Tarif adalah satu perkara undang-undang dan hanya boleh diubah dengan kelulusan Dewan Undangan Negeri Sabah. Pada masa ini tarif elektrik di negeri Sabah adalah setanding dengan tarif Lembaga Letrik Negara sekarang ini. Walau bagaimanapun, perkara ini akan dikaji semula di masa hadapan apabila Lembaga Letrik Sabah dijadikan satu badan Persekutuan.

Berkenaan dengan hutang L.L.N. dari Asian Bank yang baru juga disentuh oleh Yang Berhormat itu, perkara ini juga akan diambil alih oleh L.L.S. dalam bentuk baru.

Berkenaan dengan latihan, ingin saya juga memberi jaminan di sini bahawa pada masa sekarang pun Kementerian saya dengan kerjasama L.L.N. telah pun memberi latihan kepada beberapa pegawai dan kakitangan L.L.S. dan saya berharap di masa hadapan latihan-latihan seperti yang disentuh oleh Yang Berhormat itu akan diperluaskan lagi.

Sebelum saya duduk, saya ingin memberi jaminan di sini bahawa Kementerian saya akan membantu Sabah dan Sarawak dalam rancangan bekalan tenaga di masa hadapan. Sekianlah sahaja, terima kasih.

Timbalan Yang Dipertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Usul dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang Dipertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 90 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PELABURAN KERAJAAN

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.47 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Sabbaruddin Chik): Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang yang bernama "Suatu Akta untuk memberi kuasa kepada Menteri untuk menerima pelaburan wang selama suatu tempoh tetap dan membayar dividen ke atasnya" dibacakan bagi kali kedua.

Tuan Yang Dipertua, Rang Undang-undang Pelaburan Kerajaan 1982 ini adalah perlu untuk membolehkan bank-bank Islam memenuhi sebahagian daripada keperluan urusan pelaburan jangka pendek melalui pembelian sijil-sijil pelaburan tanpa faedah yang akan dikeluarkan oleh Kerajaan. Oleh kerana sijil-sijil pelaburan ini akan diiktiraf sebagai harta mudahtunai oleh Bank Negara Malaysia, pemegangan harta ini oleh bank-bank Islam akan membolehkan bank-bank

tersebut mematuhi keperluan rezab berkanun dan keperluan mudahtunai yang ditetapkan oleh peruntukan undang-undang. Alat-alat kewangan yang sedia wujud seperti bil-bil Perbendaharaan, surat jaminan Kerajaan dan penerimaan-penerimaan jurubank yang dibeli oleh bank-bank biasa untuk pelaburan jangka pendek dan untuk mematuhi keperluan rezab berkanun dan keperluan mudahtunai mereka, adalah tidak sesuai bagi bank-bank Islam oleh kerana alat-alat kewangan itu dikeluarkan dan diperniagakan atas konsep faedah yang dianggap sebagai riba oleh Islam.

Rang Undang-undang Pelaburan Kerajaan 1982 membolehkan Menteri Kewangan menerima, bagi pihak Kerajaan Malaysia, pelaburan wang dari orang ramai sebanyak sepuluh ribu ringgit atau dalam gandaan sepuluh ribu ringgit, dengan syarat jumlah wang yang diterima dan belum dibayar balik tidak akan melebihi jumlah yang ditetapkan oleh Yang Dipertuan Agung melalui Warta Kerajaan dari masa ke semasa. Menteri Kewangan akan mengeluarkan resit dalam bentuk sijil pelaburan kepada pelabur-pelabur bagi tiap-tiap pelaburan yang dibuat. Wang yang diterima akan digunakan untuk menebus sijil-sijil pelaburan yang matang, atau dimasukkan ke dalam Tabung Pembangunan untuk digunakan selaras dengan tujuan Tabung Pembangunan. Tempoh bagi sijil pelaburan yang dikeluarkan berhubung dengan penerimaan wang adalah satu tahun atau lebih, dan sijil-sijil tersebut boleh dipindah milik melalui catatan dan penyerahan ("endorsement and delivery"). Dividen dan bukannya faedah, akan dibayar ke atas pelaburan tersebut atas kadar-kadar yang akan diumumkan oleh Menteri Kewangan melalui Warta Kerajaan.

Rang Undang-undang Pelaburan Kerajaan 1982 akan membolehkan bank-bank Islam mengambil bahagian

dalam aktiviti-aktiviti pembangunan Negara dan juga membolehkan Kerajaan menerima pelaburan dari orang-orang Islam dan badan-badan Islam tanpa melibatkan riba.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Menteri Wilayah Persekutuan (Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf): Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang Dipertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk memberi kuasa kepada Menteri untuk menerima pelaburan wang selama suatu tempoh tetap dan membayar dividen ke atasnya dibaca kali yang kedua sekarang dan dibuka untuk dibahas.

3.54 ptg.

Tuan Abdul Razak bin Abu Samah: Tuan Yang Dipertua, saya bangun hanya mengambil sedikit dalam perbahasan bagi Suatu Akta untuk memberi kuasa pada Menteri untuk menerima pelaburan wang selama satu tempoh tetap dan membayar dividen ke atasnya, yang mana Akta ini dinamakan Rang Undang-undang Pelaburan Kerajaan, 1982, yang mana sebentar tadi telah pun diterangkan dengan huraian dan tujuan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan di dalam Dewan yang mulia ini.

Di sini hanya saya mengharapkan sebagaimana yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat tadi ini adalah salah satunya untuk menolong Bank Islam yang akan ditubuhkan nanti bagi membiayai dan sebagainya. Oleh itu dalam hal ini tidak ada masalah-masalah yang lain yang timbul, saya dengan ini menyokong akan undang-undang ini untuk diluluskan.

3.56 ptg.

Tuan Sabbaruddin Chik: Tuan Yang Dipertua, saya mengucapkan terima kasih di atas sokongan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Senator tadi. Oleh kerana tidak ada perkara yang dibangkitkan, saya rasa tidak perlu dibuat apa-apa ulasan mengenainya.

Timbalan Yang Dipertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibaca kali yang kedua sekarang.

Usul dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Timbalan Yang Dipertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 13 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG INSURANS (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.57 ptg.

Tuan Sabbaruddin Chik: Tuan Yang Dipertua, saya memohon mencadangkan bahawa Rang Undang-

undang bernama "Suatu Akta untuk meminda Akta Insurans, 1963" dibacakan bagi kali yang kedua.

Tuan Yang Dipertua, beberapa pindaan kepada Akta Insurans telah dicadangkan sebagai sebahagian daripada strategi keseluruhan Kerajaan untuk memperkukuhkan lagi industri insurans. Pindaan ini juga bertujuan untuk meningkatkan lagi perlindungan yang diberi kepada pemegang-pemegang polisi.

Tuan Yang Dipertua, untuk memberikan pandangan yang menyeluruh kepada semua Ahli Yang Berhormat mengenai cadangan pindaan kepada Akta Insurans ini, saya akan menerangkan serba sedikit Rang Undang-undang ini.

Buat masa ini margin solvensi bagi pemegang insurans am ditetapkan pada kadar 15 peratus daripada pendapatan premium diurusniaga atau \$1.0 juta, mengikut mana yang lebih banyak. Pendapatan premium diurusniaga ditakrifkan sebagai premium kasar ditolak insurans semula yang ditempatkan di Malaysia. Klause 4 antara lain, bertujuan untuk mengubah asas penghitungan margin solvensi dari premium diurusniaga kepada premium bersih agar ianya selaras dengan amalan di peringkat antarabangsa. Premium bersih ditakrifkan sebagai premium kasar ditolak insurans semula yang ditempatkan di Malaysia dan juga di seberang laut.

Margin solvensi yang baru pada kadar 20 peratus daripada jumlah pendapatan premium bersih adalah wajar dan cukup untuk menentukan pertumbuhan industri insurans.

Pada masa sekarang, penanggung insurans dikehendaki mengadakan kumpulanwang modal minima atau lebihan aset daripada tanggungan sebanyak \$1.0 juta bagi selepas kelas perniagaan dan 1.5 juta bagi kedua-dua kelas perniagaan. Jumlah ini untuk

masa sekarang tidak lagi dianggap mencukupi dan dengan demikian klausa 6 (c) memberi kuasa kepada Menteri Kewangan untuk menetapkan kumpulan wang modal yang lebih tinggi yang mesti diselenggarakan oleh penanggung-penanggung insurans.

Sebagai permulaan, minima kumpulan wang modal itu ialah \$5.0 juta bagi setiap kelas perniagaan atau \$10.0 juta bagi kedua-dua kelas perniagaan. Keperluan mengadakan modal yang lebih tinggi ini akan dapat memperkukuhkan lagi kedudukan syarikat-syarikat insurans di negara ini.

Adalah juga didapati perlu untuk menetapkan bayaran pendaftaran tahunan ke atas penanggung-penanggung insurans seperti yang dikenakan kepada pihak bank. Klausa 7 membolehkan bayaran pendaftaran tahunan dikenakan ke atas penanggung-penanggung insurans. Butir-butir mengenai bayaran ini akan ditetapkan melalui Peraturan.

Pada masa sekarang, semua penanggung insurans dikehendaki mendapat kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah Insurans sebelum melepaskan hakmilik aset mereka. Cara sedemikian telah menimbulkan kesulitan kepada penanggung-penanggung insurans. Bagi tujuan memudahkan urusan perniagaan, adalah dicadangkan dalam klausa 12 supaya peruntukan ini akan dihadkan hanya kepada penanggung-penanggung insurans yang sedang disiasat atau yang sedang menghadapi masalah kewangan sahaja.

Buat masa ini, menurut seksyen 15c kepada Akta, penanggung-penanggung insurans nyawa tidak boleh membatalkan polisi insurans kecuali pemegang polisi telah memberi maklumat palsu atau tidak tepat mengenai apa yang dimaksudkan "perkara matan."

Klausa 14 bertujuan mentakrifkan istilah "perkara matan" supaya bererti apa-apa jua perkara atau fakta yang, sekiranya diketahui oleh penanggung, insurans, akan menyebabkan penanggung insurans berkenaan tidak akan mengeluarkan polisi insurans nyawa kepada pengambil insurans atau akan menyebabkan penanggung insurans itu mengenakan syarat-syarat yang lebih ketat kepada pengambil insurans, daripada syarat-syarat yang biasanya dikenakan pada polisi insurans nyawa tersebut.

Klausa 15 bertujuan memasukkan satu seksyen baru 15D untuk memberi masa kepada pemegang-pemegang polisi insurans nyawa selama 14 hari untuk meneliti polisi yang diambil dan mengemukakan bantahan terhadap mana-mana syarat dalam polisi dan, jika ada, mengembalikan polisi berkenaan kepada penanggung insurans yang kemudiannya dikehendaki membayar balik sepenuhnya apa-apa premium yang telah dibayar. Amalan ini juga akan dikenali sebagai "tempoh meneliti polisi" ("cooling-off" period) adalah bertujuan untuk memberikan perlindungan yang lebih kepada orang ramai yang ingin mengambil polisi-polisi insurans.

Klausa 17 memasukkan satu seksyen baru 17c yang memperuntukkan bahawa mana-mana pengarah, ketua eksekutif, ketua pegawai atau pengawal syarikat insurans hendaklah melepaskan jawatan mereka jika mana-mana antara mereka menjadi bankrap, melepaskan harta mereka untuk kepentingan si piutang atau disabitkan atas kesalahan kerana perbuatan curang atau menipu. Cadangan ini yang juga terdapat di dalam Akta Bank, 1973 adalah perlu bagi memastikan supaya mereka yang

layak dan sesuai sahaja menguasai atau menguruskan perjalanan syarikat insurans.

Klausa 18 bertujuan meminda seksyen 18 untuk membolehkan Ketua Pengarah Insurans, setelah memberi notis kepada penanggung insurans secara bertulis terlebih dahulu mempunyai akses kepada semua buku, akaun, rekod dan urusniaga mereka. Ini sungguh-sungguh akan dapat membantu Ketua Pengarah Insurans dalam menjalankan pemeriksaan berkala terhadap penanggung insurans dari masa ke semasa bagi memastikan peruntukan-peruntukan Akta ini dipatuhi.

Pada masa sekarang, pengunderait (underwriters) yang mewakili Lloyd di London adalah dibenarkan juga menjalankan perniagaan insurans di negara ini. Pada hakikatnya Lloyd telah mendapat kemudahan ini sejak berpuluh-puluh tahun yang lampau. Kerajaan telah mengkaji kedudukan Lloyd ini yang kami anggap agak unik, yang bukan sahaja hanya dianggap sebagai tidak selaras dengan arah aliran insurans antarabangsa tetapi juga tidak selaras dengan usaha kita untuk menubuhkan pasaran insurans negara yang kuat dan kukuh. Berikutan dari keadaan ini, adalah dicadangkan dalam Klausa 21 agar kemudahan yang dinikmati oleh Lloyd ini, yakni menjalankan perniagaan insurans secara langsung ditarik balik. Namun demikian, Lloyd akan dibenarkan bertindak sebagai penanggung insurans semula, sama seperti mana-mana penanggung insurans semula antarabangsa yang lain bagi perniagaan mereka di Malaysia.

Saya ingin juga menambah di sini, bahawa bahagian perniagaan Lloyd dalam tahun 1981 hanyalah merupakan kira-kira 0.9 peratus daripada jumlah

pendapatan premium insurans am negara ini. Bahagian perniagaan ini kemudahannya boleh disalurkan kepada penanggung-penanggung insurans lain di negara kita ini.

Langkah-langkah juga telah dibuat bagi memastikan semua tanggungan polisi-polisi insurans yang dikeluarkan oleh Lloyd sebelum pindaan ini dikuatkuasakan, akan ditanggung oleh Lloyd sendiri.

Klausa-klausa 22 dan 23 bertujuan memperkukuhkan pengawasan broker insurans dan penyelaras kerugian. Pertama, semua broker dan penyelaras kerugian akan masing-masing dikehendaki menjadi ahli persatuan-persatuan broker dan penyelaras kerugian yang diluluskan oleh Menteri Kewangan. Antara lain, Ketua Pengarah Insurans akan diberi kuasa untuk membatalkan lesen yang dikeluarkan kepada broker dan penyelaras kerugian insurans sekiranya terdapat mana-mana syarat yang dikenakan kepada lesen telah dilanggar atau disebabkan oleh kepentingan orang ramai pembatalan tersebut adalah perlu. Pindaan ini adalah perlu untuk menentukan pengawalan yang lebih berkesan lagi terhadap pengantara-pengantara insurans di negara kita ini.

Tuan Yang Dipertua, Klausa 24 memasukkan satu seksyen baru 20D yang membeli kuasa kepada Ketua Pengarah Insurans untuk memeriksa buku dan rekod kepunyaan mana-mana pihak yang disyaki sedang menjalankan perniagaan atau mengaggap dirinya sebagai broker atau penyelaras insurans walhal dia tidak mempunyai apa-apa lesen yang sah. Pindaan ini adalah perlu memandangkan adanya kes-kes broker

dan penyelaras yang tidak berlesen menjalankan perniagaan mereka di negara kita pada ketika ini.

Pindaan ini juga akan membolehkan Ketua Pengarah Insurans mengambil tindakan yang wajar terhadap mereka ini.

Klausa 25 mewajibkan syarikat insurans nyawa menjalankan penilaian pada tiap-tiap tahun tentang tanggungan mereka dan penilaian ini hendaklah dijalankan oleh aktuari yang berkelayakan. Pada masa sekarang, mereka hanya dikehendaki membuat penilaian hanya sekali dalam jangkamasa tiga tahun. Pindaan ini akan dapat memastikan penyemakan mengenai solvensi syarikat insurans nyawa itu dibuat tepat pada masanya.

Penyiasatan terhadap syarikat-syarikat insurans yang menghadapi masalah kewangan adalah perlu untuk memastikan tindakan yang segera dapat diambil untuk mengelakkan kemungkinan penanggung-penanggung insurans tersebut dari terus menghadapi kegagalan. Kuasa yang ada sekarang untuk menjalankan penyiasatan adalah dianggap tidak mencukupi. Oleh hal yang demikian, Klausa 26 bertujuan meminda seksyen 27 (4) untuk membolehkan Ketua Pengarah Insurans menjalankan penyiasatan terhadap syarikat-syarikat insurans tanpa dikehendaki memberi notis secara bertulis. Pindaan ini juga memberi kuasa kepada Ketua Pengarah Insurans mendapatkan akses kepada buku-buku, akaun, dan lain-lain dokumen penanggung insurans, sama ada disimpan di Malaysia ataupun di tempat-tempat lain.

Tuan Yang Dipertua, Klausa 31 memasukkan seksyen baru 398 bagi membolehkan Ketua Pengarah

Insurans, ataupun sesiapa yang diberikuasa olehnya, menjalankan pendakwaan. Seksyen baru ini akan membolehkan Ketua Pengarah Insurans menguatkuasakan Atka dengan lebih berkesan lagi untuk kepentingan industri insurans pada keseluruhannya.

Pada masa sekarang, syarikat insurans nyawa boleh membayar kepada waris yang berhak, hanya sembilan puluh peratus daripada wang polisi insurans nyawa atau \$20,000, mengikut mana yang kurang, tanpa probet atau surat mentadbir pusaka.

Adalah dicadangkan supaya jumlah wang polisi yang hendak dibayar ini ditambah lagi bagi membantu lagi orang-orang tanggungan pemegang polisi yang telah meninggal dunia itu. Oleh yang demikian, Klausa 32 bertujuan mengkanunkan semula seksyen 44, dengan tujuan memberikan fleksibiliti kepada Menteri menetapkan jumlah wang yang boleh dibayar itu melalui Peraturan.

Sebagai permulaan, jumlah wang yang boleh dibayar ini akan ditingkatkan menjadi sembilan puluh peratus daripada jumlah wang polisi atau \$60,000, mengikut mana yang kurang. Tambahan pula, bagi polisi-polisi insurans yang nilainya kurang daripada \$20,000, bayaran balik sepenuhnya bolehlah dibuat dengan tidak payah penuntut mengemukakan surat mentadbir pusaka. Pindaan ini akan dapat menghindar kesulitan yang dialami oleh orang-orang tanggungan pemegang polisi yang telah meninggal dunia itu.

Klausa 33 bertujuan memasukkan satu seksyen baru iaitu 44B bagi maksud menjelaskan lagi kedudukan

Akta Insurans “vis-a-vis” Akta Syarikat, 1965, Akta Kontrak, 1950 dan Ordinan Syarikat Kerjasama. Adalah dimaksudkan supaya peruntukan Akta Insurans ini mengatasi peruntukan Akta-akta dan Ordinan yang disebutkan tadi. Peruntukan ini adalah perlu bagi mengelakkan sebarang pertelingkahan tentang Akta-akta atau Ordinan mana yang harus mengatasi dalam kes-kes di mana peruntukan-peruntukan Akta Insurans bercanggah atau tidak bersesuaian dengan peruntukan Akta-akta dan Ordinan yang saya sebutkan sebentar tadi.

Tuan Yang Dipertua, sebagai kesimpulannya, saya ingin memaklumkan kepada Dewan ini, bahawa pindaan-pindaan ini adalah perlu untuk mewujudkan sebuah industri insurans yang kukuh. Adalah diharapkan melalui beberapa tindakan yang telah diambil itu, industri insurans akan dapat memberi sumbangan lebih terhadap pembangunan ekonomi negara kita, Pindaan-pindaan ini juga bertujuan untuk memberi perlindungan dan faedah yang lebih kepada pengguna-pengguna di dalam urusan insurans mereka. Maka adalah difikirkan kena pada masanya supaya ke semua pindaan kepada Akta yang dinyatakan ini diberi pertimbangan untuk diluluskan.

Tuan Yang Dipertua, saya memohon mencadangkan.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dato' Rais Yatim): Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang Dipertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang

bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Insurans, 1963 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

4.16 ptg.

Dato' Haji Mohd. Nor Mohamad: Tuan Yang Dipertua, terima kasih kerana memberi saya peluang menyampaikan sepatah kata di dalam Rang Undang-undang Insurans (Pindaan).

Tuan Yang Dipertua, sungguhpun perusahaan insurans di negara kita telah wujud berpuluh-puluh tahun lepas tetapi perkembangan atau pertumbuhan industri ini boleh dikatakan dalam peringkat anak yang kecil ataupun sebagai budak kerdil. Keadaan yang sedih ini timbulnya dari dasar-dasar dan cara-cara Kerajaan mewujudkan, mengawas, mengasuh dan mengawal perusahaan industri insurans di negara kita. Keadaan yang kurang sihat ini, Tuan Yang Dipertua, bukan sahaja menyusahkan rakyat yang perlu payung insurans dan bukan sahaja menyekat pertumbuhan dan peningkatan mutu perusahaan insurans, malah merugikan Kerajaan dengan terlampau banyak pengaliran “import tak lihat” ataupun “invisible import”, dengan pembayaran perkhidmatan keluar negara yang merosotkan imbalan pembayaran (balance of payment) negara kita. Pengaliran pembayaran perkhidmatan yang sebegitu banyak keluar negara juga mengurangkan rizab pertukaran matawang asing kita untuk membiayai kira-kira import tertangguh.

Tuan Yang Dipertua, banyak sebab-sebab mengapa perusahaan insurans ini tertinggal dalam keadaan kerdil ini. Diantara sebab-sebabnya adalah cara perkembangan perniagaan dan perusahaan secara seluruhnya di dalam negara, kesedaran dan keinsafan peranan industri insurans, inisiatif, rupa bentuk dan keupayaan

atau struktur syarikat-syarikat insurans dan juga undang-undang berkenaan industri ini.

Tuan Yang Dipertua, daripada sebab-sebab yang saya katakan itu nampaknya struktur dan undang-undang adalah perkara-perkara yang amat penting untuk dibahas dalam Dewan yai. Moga-moga keinsafan positif dapat dilahirkan dan tindakan perlu diambil secepat-cepatnya untuk memulih atau merawat kesakitan perusahaan insurans ini.

Tuan Yang Dipertua, faktor utama yang menyekat pertumbuhan perusahaan insurans di negara kita adalah keremehan saiznya (insignificant size) tiap-tiap syarikat insurans yang ada sekarang ini. Sifat dasar insuran, risiko dan kemungkinan, simpanan dan bekalan premium dan tuntutan menuntut faktor yang penting sekali iaitu besar rupa bentuk sesebuah syarikat insuran ini. Banyak syarikat-syarikat yang besar memberi semua keyakinan kepada syarikat-syarikat lain dan pelanggan-pelanggan. Ini adalah rumusan asas sama ada pilihan diterima untuk mengguna sesebuah syarikat tempatan ataupun mengguna syarikat insuran asing. Bentuk yang besar bermakna keupayaan kepakaran, dengan itu kecekapan dari segi mutu perlindungan atau kos adalah faktor utama untuk penjual dan pembeli insuran.

Tuan Yang Dipertua, faktor yang amat penting sekali pada pendapat saya kepada negara adalah sesuatu syarikat insuran yang besar boleh membekal segala kemampuan menyimpan wang premium di negara kita tanpa dialir ke luar negara. Inilah kelemahan asas perusahaan insuran di negara kita. Ketidak kemampuan dan kemudahan untuk menyekat wang premium daripada dihantar ke luar negara.

Tuan Yang Dipertua, sebagai dinyatakan dalam Laporan Ketua Pengarah Insurans untuk tahun 1981, sebanyak \$874 juta pendapatan premium insuran am dikongsi oleh 65 buah syarikat insuran di negara kita. Ini pada purata tiap-tiap syarikat menikmati cuma sebanyak \$13 juta premium sahaja sebelum ditolak perbelanjaan-perbelanjaan kos. Dengan keadaan begini, syarikat-syarikat insuran di negara kita tidak mungkin mendapat akaun antarabangsa. Tanpa pengakuan antarabangsa perusahaan insuran di negara kita sentiasa tertinggal dalam keadaan kerdil seperti budak-budak dan negara kita sentiasa bergantung dan menanggung syarikat-syarikat asing sehingga hari kiamat.

Tuan Yang Dipertua, di dalam laporan itu juga jumlah modal termasuk cadangan semua syarikat-syarikat insuran am adalah cuma sebanyak \$300 juta sahaja untuk semua 65 buah Syarikat-syarikat insuran am di negara kita ini. Dengan ini purata modal dan cadangan tiap-tiap syarikat adalah sebanyak \$4½ juta sahaja. Di sini modal-modal syarikat insuranlah yang menggagal perusahaan insurans di negara kita dan yang mengakibatkan kemerosotan imbangan pembayaran (balance of payment) negara kita. Mengikut peraturan antarabangsa tiap-tiap syarikat tidak dimampukan menanggung tiap-tiap satu risiko selebih daripada 3 atau 4% sahaja daripada jumlah modal syarikat itu. Risiko yang lebih daripada itu mesti ditanggung oleh syarikat-syarikat yang lain. Dengan itu suma syarikat-syarikat yang besar sahaja boleh menanggung baki risiko yang berlebihan dan syarikat-syarikat ini bertempat di luar negara.

Tuan Yang Dipertua, jika pada puratanya tiap-tiap syarikat di negara kita cuma bermodal dengan \$4½ juta

sahaja, maka maksima premium tiap-tiap satu insuran cuma boleh disimpan tidak lebih daripada \$180,000 sahaja oleh syarikat insuran di negara kita. Baki premium dan risiko itu perlu dikongsi dengan syarikat-syarikat besar yang lain dan syarikat-syarikat ini seperti saya sebutkan tadi, tempatnya adalah di luar negara kita. Contohnya, secara terang lagi, jika sekiranya Syarikat Penerbangan kita MAS membayar premium insuran sebanyak \$2 juta setahun, apakah jadi premium \$2 juta setahun yang Syarikat Penerbangan MAS itu bayar. Boleh kita tengok, Syarikat negara kita cuma boleh menyimpan \$180,000 sahaja daripada premium \$2 juta itu. Bakinya ke mana pergi? Bakinya, sebanyak 96% baki risiko itu akan diinsuredkan di luar negara. Bermakna daripada \$2 juta premium itu \$1,820,000 premium yang dibayar oleh Syarikat Penerbangan itu akan keluar negara dan diinsure oleh Syarikat asing. Cuma sebanyak \$180,000 sahaja dipegang oleh syarikat tempatan. Inilah menyebabkan terlalu banyak pengaliran wang kita ke negara-negara lain di samping bayaran "freight" untuk perkapalan, insuran premiumlah angka yang terbanyak sekali ke luar daripada negara kita yang merosotkan imbalan pembayaran negara kita. Di sinilah lobang-lobang pengaliran wang kita dan result pertukaran matawang asing kita yang merosotkan akaun perkhidmatan (services account) kita di dalam balance of payment.

Tuan Yang Dipertua, jika kita bersungguh-sungguh hendak memperbaiki keadaan yang buruk ini maka tidak berguna Kerajaan terlalu banyak memberi lesen-lesen kepada syarikat insurance yang sekarang berangka sebanyak 65 buah syarikat-syarikat. Malah, Kerajaan perlu membuat dasar dan arahan mencantumkan 65 syarikat-syarikat ini menjadi satu atau dua syarikat sahaja.

Dengan cara ini wujudnya satu syarikat insurance daripada percantuman maka semua syarikat di negara kita dengan cara penyatuan dan percantuman berada modal sejumlah \$300 juta yang sekarang dipunyai oleh 65 buah syarikat-syarikat insurance.

Tuan Yang Dipertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Jika sekiranya 65 buah syarikat-syarikat insurance ini dicantumkan menjadi satu sahaja maka kalau kita membeli kepada pembayaran premium insuran MAS tadi sebanyak \$2 juta sekurang-kurangnya \$1.2 juta akan disimpan di dalam negara kita, cuma sebanyak \$800,000 sahaja di reinsured out di luar negara. Ini perbandingan terlalu banyak, Tuan Yang Dipertua. Dimasa sekarang \$180,000 jika dibandingkan dengan satu insuran sahaja sebanyak \$1.2 juta boleh disimpan di dalam negara tampil pengaliran keluar wang negara kita yang akan merosot imbalan pembayaran atau balance of payment .

Tuan Yang Dipertua, syarikat-syarikat insuran di negara kita dalam persaingan di antara mereka adalah secara potongan leher (cut throat competition) tidak menginsured baki-baki risiko itu di antara mereka sendiri. Saya faham mengapa mereka tidak mahu berkongsi di antara mereka kerana tiap-tiap satu insuran menganggapkan syarikat insuran lain itu ialah lawan jika mereka berkongsi. Ini bermakna mereka menggali kuburnya sendiri, dengan izin, you dig your own grave, jika dia berbuat begitu.

Tuan Yang Dipertua, sungguhpun kita ada satu-satu jalan untuk menyimpan sedikit sebanyak premium yang dialirkan keluar negeri sama ada digunakan secara apa yang dikatakan facultative insurance, saya tidak tahu terjemahannya di dalam Bahasa Malaysia, tetapi itu adalah satu

daripada perkongsian yang jauh sedikit daripada menggali kubur sendiri. Tetapi penggunaan itu, amatlah cerewet dan syarikat-syarikat insuran di dalam negara tidak menggunakan cut seboleh-bolehnya kerana pentadbiran dan harga-harga menjalankan facultative re-insurance adalah terlalu cerewet dan remeh. Tetapi di dalam negara maju ada lagi satu badan di mana syarikat-syarikat insuran dapat mengre-insuredkan baki risiko tadi iaitu dengan M.N.R.B. (Malaysian National Re-Insurance Berhad) keupayaan Kerajaan dan badan-badan berkanun serta syarikat-syarikat kepunyaan Kerajaan dan juga syarikat-syarikat insuran yang lain yang memegang sedikit sebanyak saham di dalam M.N.R.B. ini. Sungguhpun syarikat M.N.R.B. ini besar tetapi perusahaannya adalah menginsuredkan baki risiko ke tahap jumlah modalnya sahaja. Serupa juga dengan syarikat-syarikat insuran am yang lain.

Mengikut laporan yang saya baca, laporan Ketua Pengarah Syarikat untuk tahun 1980 cuma 6% daripada baki premium risiko yang tidak boleh di ambil oleh syarikat-syarikat insuran tempatan diberi kepada M.N.R.B. yang berlebihan 100% tolak 4%, tolak bahagian M.N.R.B. 6%, bakinya 90% keluar negeri wang premium untuk sesuatu insurance di negara kita. Perkara ini terlalulah buruk dan perlu diperbaiki.

Tuan Yang Dipertua, syarikat-syarikat insuran tempatan tidak berlengah-lengah mencari syarikat insuran asing yang besar kerana mereka memerlukan commission bayaran balik atau dalam bahasa Inggerisnya "kick-back commission" jika mereka dapat mencari insuran-insuran yang besar di luar negara menginsured baki risiko yang tidak boleh diambil oleh syarikat-syarikat tempatan. Jadi apakah guna mereka berkongsi sama sendiri jika mereka

dapat membolotkan semua premium itu yang tidak boleh diinsuredkan 96% dihantar keluar negara dan mendapat sedikit sebanyak kick-back commision.

Tuan Yang Dipertua, rumusannya syarikat-syarikat insuran yang besar adalah faktor yang penting sekali untuk negara kita. Dasar Kerajaan perlulah diubah mencapai objektif ini oleh kerana kita memandang ke Timur sebagai panduan, izinkan saya menarik perhatian Kerajaan atas kedudukan perusahaan insuran di negara Jepun.

Pada tahun 1959, G.D.P. (Keluaran Kasar Dalam Negara) di negara Jepun adalah sebanyak US \$1,011,333 juta dan banyaknya syarikat-syarikat insuran di negara Jepun itu, cuma 35 buah syarikat sahaja jika dibandingkan dengan di negara kita sebanyak 65 buah syarikat insuran. Ini bermakna tiap-tiap syarikat insuran Jepun berkhidmat purata untuk lebih kurang US \$29 juta sahaja. Jika nisbah ini digunakan sebagai contoh maka negara kita yang G.D.P.nya (Keluaran Kasar Dalam Negara) sebanyak cuma US \$29 ribu pada tahun 1981, negara kita perlu cuma satu sahaja syarikat insuran jika dibandingkan dari segi G.D.P. Tidak sebanyak 65 buah syarikat-syarikat. Inilah perbandingan yang saya tarik perhatian, Tuan Yang Dipertua, dari segi banyak mana syarikat-syarikat insuran di negara kita dengan sedikitnya pengeluaran hasil dalam negara. Inilah yang memberi keadaan cut throat atau memotong leher di antara mereka dan juga pengaliran yang terlampau banyak mata wang negara kita ke negara-negara asing.

Tuan Yang Dipertua, dasar Kerajaan dalam industri insurans perlu dikaji balik dengan sasaran pencapaian ke angka segenlinter syarikat insurans, sahaja yang besar dan kukuh, bukan sahaja untuk kepentingan menyekat pengaliran

wang keluar negara, malah untuk menarik wang premium insurans di sekitar Asia Tenggara, terutamanya daripada negara-negara ASEAN dengan perkhidmatan menanggung baki insurans yang berlebihan daripada syarikat-syarikat insurans kecil di sekitar negara ASEAN dan di sekitar Asia Tenggara.

Dengan itu izinkan saya mencadangkan:

- (1) Kerajaan patutlah mengarah semua syarikat-syarikat insurans menambahkan jumlah modal dan rizab mereka ke tingkat yang setinggi-tingginya sekali.
- (2) Kerajaan patutlah mengarah 65 syarikat-syarikat insurans di negara kita ini disatukan dan dicantumkan (merger and consolidation) ke semua syarikat-syarikat ini menjadi satu atau dua syarikat sahaja supaya kesusahan kita dengan imbalan pembayaran dapat di atasi.

Tuan Yang Dipertua, izinkan saya menyentuh satu perkara lagi berkaitan dengan galakan-galakan yang diberi kepada industri insurans. Pada masa ini, cuma segelintir syarikat-syarikat insurans sahaja di negara kita yang mengambil bahagian dalam peranan pasaran di taraf antarabangsa. Oleh kerana peranan perniagaan di taraf antarabangsa ini amat hebat pertandingannya, maka syarikat-syarikat insurans kita yang begitu kecil, pada umumnya, tidak dapat menghadapi persaingan ini. Sebab-sebab kegagalan ini adalah dua faktor; satu, kekurangan keupayaan dan kemampuan bekalan kerana syarikat-syarikat insurans di negara kita terlalu kecil saiznya; dan yang kedua, kerana kekurangan kemahiran teknikal dan pakar-pakar industri insurans.

Dalam Belanjawan tahun 1982, satu galakan telah diberi untuk membantu perusahaan insurans tempatan mengambil peranan yang pesat di bidang perniagaan di peringkat antarabangsa. Galakan itu, Tuan Yang Dipertua, adalah dengan bentuk kadar cukai pendapatan syarikat-syarikat insurans dikurangkan sebanyak 5% atas keuntungan yang diperolehi daripada risiko-risiko insurans seberang laut sahaja.

Sebagai ulasan, pada hemat saya, galakan yang diberi ini adalah seperti seorang dukun memberi 2 biji asprin kepada seorang yang mengidap penyakit puan S.T.P. (Sexual Transmitted Disease). Dengan izin, Tuan Yang Dipertua, industri ini tidak boleh hidup dengan 2 biji asprin. Industri ini dengan izin, Tuan Yang Dipertua, hendak mendapat a shot in the arm with potent dose of incentive ataupun galakan-galakan dan galakan betul dan tepat perlulah diberi kepada syarikat-syarikat insurans tempatan untuk menghadapi perceburan peranan di pasaran sebegini kompetitif.

Saya berharap galakan-galakan yang diberi kepada syarikat-syarikat insurans perlu dikaji balik dan galakan-galakan yang sempurna perlu diberi. Di sini saya ingin mencadangkan:

- (1) Untuk membesarkan modal dan rizab syarikat-syarikat insurans di negara kita, semua galakan berkaitan dengan pembesaran capital dan rizab atau modal dan cadangan-cadangan sesuka syarikat insurans perlu diberi secepat-cepatnya. Di samping itu, galakan-galakan yang lebih menarik perlu diberi kepada syarikat-syarikat insurans yang menyatu dan mencantumkan perniagaan-perniagaan mereka dengan cara merger and consolidation.

- (2) Jika kita kekurangan kemahiran teknikal dan pakar-pakar industri insurans, maka semua perbelanjaan melatih, melatih semula, dan pengupahan pekerja-pekerja mahir dan pakar-pakar.

Ini lah apa yang saya maksudkan a shot in the arm, Tuan Yang Dipertua.

Tuan Yang Dipertua, sekarang izinkan saya menyentuh perkara Dasar Ekonomi Baru berkaitan dengan syarikat-syarikat insurans di negara kita. Negara kita adalah negara yang baik sekali di kalangan negara-negara membangun menghadapi masalah institusi-institusi kewangan, seperti bank-bank dan syarikat-syarikat insurans. Kebanyakan negara-negara membangun menyelesaikan kerumitan institusi-institusi kewangan mereka dengan cara nasionalisation atau mengambil alih kedudukan syarikat-syarikat sebagai hakmilik negara. Dengan budi pekerti Kerajaan kita yang begitu baik, pelabur-pelabur asing dalam institusi-institusi kewangan di negara kita masih "dragging their feet" atau melambat-lambatkan hasrat negara dengan peraturan susun semula ekuiti yang tertera sebagai garis panduan di dalam Dasar Ekonomi Baru.

Ini amatlah menyedihkan. Dalam perusahaan insurans umpamanya, 24 daripada 65 syarikat-syarikat insurans di masa ini adalah 100 peratus kepunyaan asing di negara kita. Telah beberapa kali Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan memberi kata dua atau ultimatum kepada mereka ini. Kata dua itu tidak dipedulikan langsung.

Kata dua yang penghabisan sekali (final warning) oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan tentang susun semula ekuiti ini adalah dikeluarkan pada awal tahun lepas, tahun 1982 dan dengan tegasnya ia menyatakan: jika syarikat-syarikat ini

tidak menghantar cadangan-cadangan menyusun semula ekuiti mereka sebelum 15hb April tahun 1982, lesen-lesen mereka akan ditarik balik.

Tuan Yang Dipertua, kata-kata amaran tidak berkesan, juga kata-kata itu tidak dikotakan. Pada hemat saya, oleh kerana terlampau banyak syarikat-syarikat insurans di negara kita sekarang, masanya amatlah layak dengan mengambil tindakan sekeras-kerasnya atas amaran-amaran yang telah diberi oleh Yang Berhormat Mulia itu.

Di sini izinkan saya mencadangkan, Tuan Yang Dipertua, bahawa semua syarikat-syarikat insurans asing yang tidak menghantar cadangan-cadangan menyusun semula ekuiti syarikat-syarikat mereka sebelum 15hb April, 1982 yang dinamakan oleh Yang Berhormat Mulia itu dan tidak mengimplementasikan penyusunan semula sebelum 31hb Disember, 1982 mestilah ditarik balik lesen perniagaan insurans mereka. Apakah kebaikan untuk negara jika kita berbuat begitu?

Dua objektif dapat dicapai dengan tindakan ini. Satu, syarikat-syarikat asing yang tidak mematuhi Dasar Ekonomi Baru, dengan tiada lesen insurans akan menjual syarikat-syarikat mereka kepada syarikat-syarikat tempatan. Ini akan mengurangkan angka-angka syarikat-syarikat insurans dan membesarkan syarikat-syarikat tempatan yang mengambilalih syarikat-syarikat kepunyaan asing itu tepat dengan objektif yang kita harus buat.

Objektif yang kedua, Tuan Yang Dipertua, adalah maruah Kerajaan. Amaran-amaran Menteri Kabinet tidak boleh diabaikan dengan begitu sahaja tanpa akibat yang buruk jika tidak dipatuhi.

Akhir kata, Tuan Yang Dipertua, semalam kita telah meluluskan satu undang-undang Akta Bank Islam, 1982. Saya berharap tidaklah sumbang

jika sekiranya di sini saya mencadangkan Kerajaan wujud satu jawatankuasa mengkaji kedudukan sistem insuran yang ada sekarang dengan akidah lunas-lunas masyarakat umat-umat Islam di negara kita dan jika perlu untuk menyesuaikan sistem insuran dengan akidah Islam, maka saya mencadangkan satu Rang Undang-undang Akta Insuran Islam perlu dibentangi di Dewan yang mulia ini pada satu masa nanti.

Tuan Yang Dipertua, saya menyokong Rang Undang-undang yang dibentangi sekarang.

4.55 ptg.

Dato' Haji Othman bin Haji Abdullah: Tuan Yang Dipertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang ini, tetapi sebelum saya memberi pandangan saya sebanyak sedikitnya, saya suka menarik perhatian Ahli-ahli Dewan ini bahawa Rang Undang-undang ini seperti mana yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri ialah merupakan serampang dua mata yang kata beliau untuk menjaga kepentingan orang yang berkenaan sama ada bagi pihak yang memelihara (insure) insuran bagi pihak industri insuran dan orang yang menginsuredkan diri dia ataupun harta-harta dia di dalam Perbadanan ini. Bagi saya sendiri industri insuran ini bagi rakyat luar bandar ialah perkara yang begitu samar-samar sejak dari dahulu sampai sekarang. Industri insuran ini diperkenalkan oleh penjajah ke dalam negara kita ini kerana penjajalah yang telah memaksakan kita menggunakan insuran.

Umpamanya, pegawai-pegawai Kerajaan yang meminjam membeli rumah misalnya maka dikenakan beberapa peraturan termasuklah insuran atau rakyat biasa yang ada berkaitan dengan keselamatan harta-bendanya meminjam wang maka

dikenakan peraturan-peraturan insuran. Adakah peraturan-peraturan ini sesuai dengan Islam atau tidak? Saya mendengar pendapat daripada ulama-ulama termasuklah beberapa orang Menteri mengatakan ini tidak sesuai. Ini tidak sesuai dengan pendapat ulama-ulama. Insuran nyawa, insuran am yang seperti ini adalah bertentangan dengan Islam oleh kerana itu ada satu cadangan sepertimana yang dikemukakan oleh Yang Berhormat sahabat saya tadi, ada satu rancangan untuk mengemukakan satu peraturan insuran secara Islam dan sekarang di dalam kajian. Bilakah agaknya peraturan-peraturan insuran atau Rang Undang-undang Insuran ala Islam ini hendak dibentangi di dalam Dewan Parlimen ini tidaklah saya tahu, tetapi lagi cepat ada Rang Undang-undang Insuran secara Islam akan lebih menguntungkan orang-orang Islam.

Sebab saya katakan demikian, oleh kerana saya tidaklah mengetahui sejauh manakah penglibatan orang-orang Islam di dalam soal insuran ini secara kasar, tetapi secara kecil-kecilan dapat kita lihat bahawa ada insurans yang secara sukarela kita boleh mengambilnya dan ada insurans yang secara mesti, mesti diambil, seperti kalau seorang kampung membeli Honda harganya \$800 misalnya, dia terpaksa mengambil insuran, motokar dia terpaksa mengambil insurans dan insurans untuk mendapatkan lesen jalan ini adalah wajib, siapa yang tidak mempunyai insurans dia tidak mendapat lesen jalan. Yang mewajibkan ini ialah Kerajaan.

Kalau kita tengok di dalam sebuah negara Islam untuk mendapatkan lesen jalan tidak perlu ada insuran. Tujuan diadakan insurans ini ialah untuk menjamin kalau berlaku sebarang kemalangan maka orang

yang mendapat kemalangan atau kedua belah pihak mendapat perlindungan daripada insuran ini.

Di dalam sebuah negara Islam, saya perhatikan tidak ada peraturan-peraturan seperti ini tetapi dalam negara Islam itu dia membuat peraturan yang begini: siapa yang melanggar, dia dihukum, kalau membawa motokar atau membawa motosikal atau bawa kenderaan apa pun juga sama ada seseorang yang membawa kereta itu bersalah ataupun tidak bersalah, kalau dia melanggar seseorang yang berjalan kaki di tengah jalan maka yang ditangkap ialah pemandu kereta itu dan dijel dan di waktu itu hendaklah dia membayar ganti rugi yang ditetapkan oleh Kerajaan seberapa banyak yang ditetapkan kepada orang yang kena langgar itu sama ada dia hilang kaki ataupun patah ataupun keluar darah dan sebagainya atau kematian. Oleh kerana insuran di negeri itu tidak ada seperti yang kita perkenalkan di negara kita ini, yang kita ikut secara Barat, maka Lembaga Urusan dan Tabung Haji misalnya yang mempunyai keretanya di Saudi Arabia dan mempunyai drebarnya sendiri yang tak dapat dilindungi dengan insuran, sebab insuran di negeri itu tidak ada, terpaksa mengambil insuran dari luar negeri untuk menjamin supaya drebar atau pemandu kita yang kita hantar untuk membawa kereta kita di Saudi Arabia itu kalau berlaku sesuatu kemalangan akan dapat dilindungi oleh insuran yang kita menjadi pelanggan kepada syarikat insuran itu.

Jadi nyatalah dalam sebuah negara Islam dia tidak mementingkan dan tidak mengutamakan syarikat insuran yang seperti itu dan boleh jadi hukumannya tidak dipersetujui oleh Islam, oleh syarak dan ini sedang di dalam pengkajian ulama-ulama kita di sini.

Kalau demikian halnya, saya mencadangkan supaya Kerajaan kita ini cepat-cepat menggesa alim ulamak kita membuat satu cadangan kepada Kerajaan supaya diwujudkan suatu insuran Islam supaya orang-orang Islam di dalam negeri ini yang terpaksa mengambil insuran itu yang selama ini kita terpaksa mengambil insuran dapat ditolong oleh insuran secara Islam yang hendak ditubuhkan oleh negara kita pada masa yang akan datang. Tetapi buat sementara waktu, sewaktu kita tidak mempunyai undang-undang Islam berkenaan dengan insuran ini ada baiknya beberapa pindaan kepada insuran yang ada sekarang ini dikaji semula supaya kepentingan-kepentingan rakyat negeri ini dapat dipertahankan terutama sekali ialah kepentingan negara kita seperti yang disebutkan oleh sahabat saya tadi bahawa wang negara ini yang terdiri dari wang rakyat negeri ini sendiri mengalir ke luar negeri dengan begitu lajunya melalui saluran-saluran insuran yang bukan dipunyai oleh rakyat dan warganegara kita sendiri.

Saya rasa Kerajaan sedar, bukan tidak sedar dalam hal ini dan oleh kerana itulah Menteri Kewangan kita selalu memberi amaran supaya badan-badan insuran seperti insuran yang ada di negara kita ini yang bentuknya masih berbentuk kolonial. Masih dimonopoli oleh orang-orang di luar negeri dapat mengubah sikapnya dan menyalurkan ataupun membentuk satu bentuk yang dikehendaki atau yang diarahkan oleh Kerajaan sesuai dengan Dasar Ekonomi Baru yang telah dilancarkan oleh Kerajaan.

Satu perkara yang saya suka menarik perhatian Yang Berhormat Menteri oleh kerana di dalam negara kita ini ada beberapa insuran yang wajib diambil seperti yang saya katakan tadi, kalau kita meminjam untuk membuat rumah sama ada kita meminjam atau tidak dalam membeli

kereta dan kalau sekiranya kita mempunyai harta yang banyak di dalam perniagaan kita insuredkan semua harta kita itu, tetapi orang-orang kampung yang jauh daripada fahaman insuran ini dapat difahami tetapi duit (wang) mereka itu sendiri pun tidak disimpan di dalam bank, disimpan di bawah bantal sahaja, sebab apabila masuk faedah bank, faedah itu haram maka disimpanlah di bawah bantal. Kalau terbakar oleh api, tak apa, jangan dia makan benda yang haram, api memakan duit dia tak apa, dia suka, dia rela daripada dia memakan benda yang haram. Begitulah sifatnya orang yang berjiwa ataupun yang mempunyai semangat Islam di dalam hatinya, biarlah wang terbakar, tak apa, asal aku jangan dibakar. Kalau sekiranya fahaman insuran ini dapat difahamkan, dilebarkan disiarkan terutama sekali kalau insuran ini insuran ala-Islam kepada orang-orang kampung, saya rasa tentulah akan mendapat sambutan yang baik juga daripada orang-orang kampung terutama sekali di saat dan di waktu kita sedang membangun sekarang ini, anak-anak kita yang pergi sekolah pun banyak dan yang mati digelek motokar di tengah jalan pun terlalu banyak dan sekarang ini tidak ada suatu undang-undang yang memestikan anak-anak kita itu mesti mengambil insuran seperti seseorang yang mempunyai kereta atau motosikal mesti mengambil insuran untuk mendapatkan cukai jalan, tidak ada peraturan seperti itu. Kalau ada peraturan seperti itu, anak-anak kita mesti mengambil insuran ke sekolah, kalau dia masuk sekolah mesti dia ambil insuran, maka saya rasa akan banyak faedahnya kepada anak-anak kita itu kalau sekiranya berlaku sesuatu kemalangan di tengah jalan.

Apa yang saya dengar sekarang ini ialah diberikan sahaja borang-borang itu melalui anak-anak, siapa yang hendak masuk, masuklah. Siapa yang

tak hendak masuk, tak apa, tak ada sesuatu tindakan yang wajib kepada anak-anak itu. Itu pun satu hal yang elok juga, tetapi alangkah eloknya kalau diwajibkan ibubapanya memasukkan anak-anaknya itu di dalam sebarang insuran yang boleh menjaga, memelihara dan mengawal ataupun yang mendapat faedah kalau berlaku sebarang kemalangan di atas diri anaknya di dalam perjalanan dari sekolah ke rumah, daripada rumah ke sekolah, seperti yang banyak kita dengar sekarang ini banyak anak-anak kita yang terkorban di tepi jalan oleh kerana pelanggaran-pelanggaran dan oleh kerana kenderaan-kenderaan yang terlalu banyak.

Saya rasa ada baiknya juga kalau sekiranya Yang Berhormat Menteri atau Kerajaan kita menimbangkan beberapa aspek daripada insuran ini selain daripada menjaga kepentingan-kepentingan yang tertentu di dalam Akta ini maka kepentingan orang ramai seperti anak-anak sekolah dan juga kalau mungkin akan disegerakan juga Akta berkenaan dengan insuran Islam misalnya supaya umat Islam di negara kita ini dapat menyertakan dirinya di dalam insuran Islam itu dan wang yang terkumpul bolehlah dilaburkan untuk kepentingan dan pembangunan umat Islam maka saya rasa akan besar juga faedahnya kepada pembangunan negara kita pada masa yang akan datang. Maka oleh kerana itu, Tuan Yang Dipertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini.

5.29 ptg.

Tuan Abdul Razak bin Abu Samah: Tuan Yang Dipertua, saya bangun untuk sama-sama menyokong satu Akta untuk meminda Akta Insuran (Pindaan) 1982 yang mana telah pun diperbahaskan dan mendapat penerangan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat

Timbalan Menteri di atas pindaan-pindaan dan sebagainya, dalam insuran pindaan ini.

Di sini saya hendak mengambil bahagian atas beberapa perkara di samping itu untuk bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu sama ada pihak Kerajaan sedar ataupun tidak berhubung dengan insuran kepada kanak-kanak sekolah sebagaimana sebentar tadi telah diucapkan oleh Yang Berhormat Dato Haji Othman Abdullah iaitu insuran sekolah yang diberikan kepada anak-anak kita pada tiap-tiap tahun. Contohnya anak saya ada dua orang bersekolah iaitu sekolah rendah yang mana menaiki bas sekolah pergi dan balik.

Sekarang sudah tiba masanya tahun baru, kita membayar sahaja bayaran untuk bas sekolah, pemandu bas itu telah pun melampirkan satu borang iaitu untuk menginsurankan bagi anak-anak kita, mengikut di situ \$10,000, \$15,000 dan seterusnya—memanglah elok. Tetapi apa yang saya hendak terangkan di sini iaitu saya memasukkan anak-anak saya itu \$10 satu orang, tetapi semenjak mula sehingga ke hari ini saya belum lagi menerima dan kawan-kawan yang lain pun, ibubapa-ibubapa yang lain juga tidak menerima resit wang yang dikatakan sudah diinsuredkan anak-anak kita itu. Ini persoalannya. Sungguhpun pelanggaran tidak ada, tetapi jikalau sekiranya ditakdirkan Allah s.w.t. perkara ini terjadi, jikalau hendak dituntut insurans ini, dimanakah hendak dituntut? Resit tidak ada, hitam putih tidak ada. Oleh itu saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah perkara ini mendapat pengetahuan, jikalau ada, apakah tindakan supaya perkara ini tidak berlanjutan yang dipungut oleh broker-broker insurans yang tanpa memberi resitnya tadi. Itu soal bas sekolah.

Tuan Yang Dipertua, berhubung insurans nyawa ini, yang selalu terkorban ialah orang-orang kampung, orang tua-tua di kampung yang mana selalu broker-broker insurans ini yang terdiri daripada berbilang kaum dan bangsa datang memberitahu mengambil insurans nyawa, kalau mati umpamanya ini sekian-sekian dapat, pembayaran sekian-sekian bulan pertama, bulan kedua dan seterusnya kerana kebanyakan insurans-insurans ini surat-surat ataupun peraturan-peraturannya adalah dalam bahasa Inggeris, mereka tidak memahami. Dengan keadaan ini mereka telah masuk, tetapi kadangkala selepas bayar duit sahaja broker-broker insurans ini cabut begitu sahaja tanpa mendapat apa-apa surat-surat sebagaimana bas ini tadi. Ini juga menjadi kesulitan kepada orang-orang kampung khasnya dan ini bagaimanakah keadaan-keadaannya sungguhpun rasa saya dalam Rang Undang-undang ini dinyatakan.

Satu lagi berhubung dengan insurans ini juga yang telah diambil oleh orang-orang kampung juta termasuk orang yang bijak-pandai di Kuala Lumpur dan di bandar-bandar, kadangkala oleh kerana malas mereka itu selalu sangat umpamanya broker-broker insurans ini datang ke rumah ambil itu dan sebagainya, tidak datang hari ini, datang lagi besok, datang lagi lusa. Kemungkinan mereka ini naik bosan terpaksa diambil, mereka bayarlah sebulan, dua bulan ataupun setahun, dua tahun, selepas itu terhenti begitu sahaja. Oleh itu mereka tidak dapat tuntutan duit apa yang telah dibayar selama 3 tahun, di mana hendak dituntut? Sungguhpun di sini ada Klausula 15 yang baru ini ada mengatakan, izinkan saya membaca.

Di bawah seksyen 15 ini: "Seseorang pemilik polisi boleh, dalam tempoh empat belas

hari selepas suatu polisi nyawa diberikan kepada atau, jika tidak dihantar ke tempat tinggalnya, kepada orang yang tinggal di dalamnya, mengembalikan polisi itu kepada penanggung insurans beserta suatu bantahan secara bertulis terhadap mana-mana terma atau syarat polisi dan penanggung insurans itu kemudiannya dikehendaki membayar balik apa-apa premium yang telah dibayar oleh pemilik polisi. Polisi itu akan dibatalkan sebaik sahaja pembayaran baik dibuat.”

Tetapi yang telah sudah-sudah perkara ini tidak terjadi, wang itu rasa saya beratus-ratus ribu telah pun hilang begitu sahaja tanpa dapat diminta kembali kepada pihak-pihak insurans dan kadang-kadang mereka ini atau broker-broker insurans itu sudah berhenti, sudah pergi ke tempat lain, di manakah mereka ini? Hilang begitu sahaja. Oleh itu di sini saya berharap kepada syarikat-syarikat insuran jikalau sekiranya dalam tempoh dua ataupun tiga bulan ataupun pihak polisi atau orang yang mengambil polisi nyawa tidak membayarnya, sepatutnya pihak polisi ini atau syarikat ini memulangkan balik dengan tidak payah hendak membuat surat dan sebagainya. Polisi tuan sudah tidak bayar, ini bakinya ambillah balik, begitu sahaja, tetapi sehingga ini apa yang saya dapat tahu oleh orang-orang yang mengatakan kepada saya benda ini tidak timbul sehingga ke hari ini. Oleh itu rasa saya beratus-ratus, berjuta-juta ringgit yang didapati oleh pihak-pihak insuran yang ada di dalam negara kita ini.

Soal yang lain sebagaimana yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat iaitu insuran-insuran nyawa yang ada menjalankan perusahaan mereka di Malaysia ini, yang mana beribu pejabat di luar negeri. Apa yang saya dapat tahu

segala wang-wang yang dikutip kepada rakyat di sini wang itu dapat hari ini, besok ceknya terus dihantar ke ibu pejabat sama ada di Singapura, Hong Kong dan seterusnya, yang di sini tidak ada langsung, untuk disimpan di Malaysia, untuk disimpan dalam syarikat dan sebagainya—tidak ada langsung. Oleh itu nampaknya dalam soal ini kerugian yang dihadapi, keuntungan yang dapat daripada rakyat kita, yang untung di negara lain. Ini juga bukan insurans sahaja rasa saya, ada syarikat-syarikat yang lain pun seumpama ini sama ada pihak Kerajaan tahu ataupun tidak tahu, saya rasa inilah yang saya terangkan kepada Dewan yang mulia ini sebab perkara ini selalu saya bertanya dan mendapat tahu daripada pekerja-pekerjanya yang ada di situ, dia mengatakan inilah duit yang kita masuk tidak ada di sini, dapat hari ini, besok dimasuk di sana dan dia punya resitnya pun dikeluarkan daripada negara sana hantar kepada kita ini, ini yang berlaku. Sepatutnya apa salahnya diinvestkan dalam negara kita sendiri.

Tuan Yang Dipertua, saya tidaklah hendak berucap panjang lagi kerana perkara yang lain telah pun dibangkitkan, sungguhpun ada catatan di sini. Oleh itu saya bersama-samalah menyokong di atas Rang Undang-undang ini dan seterusnya mana yang baik kalau tidak ada apa-apa ataupun yang saya katakan tadi supaya dapat diperbaiki supaya rakyat kita tidak tertipu dengan telatah-telatah broker-broker insurans yang ada pada hari ini, hanya pada permulaan sahaja mereka itu rajin datang ke rumah memberi nasihat dan sebagainya, selepas itu dia menghilangkan diri sahaja. Oleh itu dalam keadaan ini, kita berharaplah supaya dengan adanya Akta pindaan ini perkara insurans ini akan dapat diselesaikan dan tidak merugikan mana-mana pihak. Oleh itu sekian, saya menyokong akan Rang Undang-undang ini, terima kasih.

5.19 ptg.

Tuan Sabbaruddin Chik: Tuan Yang Dipertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan-pandangan di dalam perbahasan mengenai Rang Undang-undang bagi meminda Akta Insuran 1963 ini.

Ada pandangan-pandangan amat berguna, ada pandangan-pandangan kurang berguna, ada pandangan-pandangan yang menerangkan dengan lebih lanjut lagi apa yang telah saya terangkan sewaktu membentangkan Rang Undang-undang tadi, malah setengah-setengah pandangan itu merupakan sokongan yang amat kuat, yang sepatutnya saya gunakan sewaktu saya membentangkan Rang Undang-undang pada mula-mula tadi. Dalam pada itu saya inginlah memberi serba sedikit dengan agak ringkas sebagai ulasan kepada pandangan-pandangan yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sebentar tadi.

Saya ulas mengikut dari segi paling mustahak iaitu mengenai insurans ala-Islam.

Tuan Yang Dipertua, di dalam membentangkan Rang Undang-undang Bank Islam 1982 pada hari semalam, kalau tak silap saya, saya telah mengatakan bahawa beberapa perkara mengenai pajak gadai dan sebagainya, termasuk insuran Islam, sedang dikaji. Oleh kerana perkara ini merupakan perkara yang agak rumit maka masa yang lama perlu diambil sebelum sebarang Rang Undang-undang berkenaan dengan perkara ini dapat dikemukakan di Dewan yang mulia ini. Walau bagaimanapun, pandangan-pandangan yang telah diberi mengenai insurans Islam itu tidak berbeza dengan pandangan

Kerajaan. Insya Allah sampai waktunya akan kita kemukakan Rang Undang-undang mengenai insuran Islam.

Berkenaan dengan pandangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Abdul Razak Abu Samah berkenaan dengan polisi insurans yang diambil, kemudian dikembalikan pula tetapi tidak dikembalikan wang. Ini agak nyata seperti yang dibaca oleh Yang Berhormat tadi, iaitu wang sepenuhnya hanya dibayar kembali kalau sekiranya polisi itu dipulangkan di dalam masa 14 hari. Kalau sekiranya dipulangkan dalam masa setahun, ertinya tidak bolehlah wang itu dikembalikan sebab masa "cooling-off period" itu sudah habis. "Cooling-off period" ini pun hanya baru dimasukkan kerana kita tidak mahu lagi kalau-kalau ada orang yang tidak faham tentang satu-satu polisi, tidak ada waktu untuk meneliti polisi ini maka kita telah masukkan klausa ini untuk memberi beliau selama 14 hari dengan tujuan hendak membaca. Kita fahamlah polisi-polisi ini ditulis dalam Bahasa Inggeris, bukan sahaja dalam Bahasa Inggeris tetapi dengan tulisan-tulisan yang agak kecil, maka itulah kita beri 14 hari. Kalau sekiranya dia baca sekeping sehari, kalau sekiranya ada 14 keping pemegang polisi masih boleh mengembalikan polisi itu kepada penjual kalau dia tidak bersetuju dengan polisi itu. Kita akan mengambil ingatan supaya polisi ini ditulis dalam Bahasa Malaysia, tetapi soal 14 hari itu kita kira agak cukup untuk membaca, meneliti, tetapi kalau dia ambil simpan, dia tak baca, walaupun setahun dia tidak dapat tahulah. Jadi kita harap kepada mereka yang membeli polisi ini membaca, walaupun tulisan itu kecil baca juga supaya tidak tertipu. Sekiranya lebih daripada waktu itu nampanya tidak dapatlah wang dikembalikan mengikut undang-undang ini. Bagi mereka yang membeli insurans terlalu banyak,

misalannya sampai \$5 juta, \$6 juta dan tidak boleh bayar, kemudian dia hendak balik duitnya dalam tempoh masa setahun, saya rasa itu bukanlah salah penjual tetapi salah pembeli itu sendiri. Kita harus ukur baju di badan kita, kita harus juga ambil insurans yang terdaya kita mampu membayar bagi tiap-tiap tahun.

Perkara-perkara lain rasa saya tidak begitu mustahak di sini. Ada dua, tiga perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd. Nor tadi. Seperti saya katakan awal-awal di dalam jawapan ini kebanyakan apa yang diujahkan, malah saya tengok tadi 25 minit yang diujahkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd. Nor, ialah menyokong kuat Rang Undang-undang ini, sebagai misalan syarikat kita masih kerdil, masih kecil kerana tidak cukup modal (capital), maka itulah Rang Undang-undang ini dipinda. Kalau kita baca baik-baik di sini, misalannya satu daripada Klausula, yakni klausula 6 memberi kuasa kepada Menteri Kewangan untuk menetapkan kumpulanwang modal, ertinya capital yang lebih tinggi lagi yang mesti diselenggarakan oleh penanggung-penanggung insurans. Kemudian saya tambah lagi satu tadi "sebagai permulaan". ertinya pada mula sahaja sebagai permulaan minima kumpulanwang modal ialah \$5 juta bagi satu-satu kelas dan \$10 juta bagi dua kelas, ertinya mulanya \$5 juta, kemudian kita hendak tambah lagi tak tahulah, hendak tambah \$5 juta, \$6 juta, \$10 juta, \$1 billion kita tidak tahu. Memang kita sedar bahawa benda ini kecil-kecilan walaupun syarikatnya banyak, premiumnya tidak banyak, ertinya modalnya tidak banyak, dia tidak boleh menanggung risiko yang berat, maka kebanyakan juga daripada risiko itu terpaksa direinsure keluar negeri dan ada outflow. Di atas kesedaran itulah maka kita telah masukkan Klausula 6c. Jadi kita tidak perlu tegaskan beria-ia

sangat perkara itu kerana memanglah tujuan utama Akta ini dipinda supaya syarikat-syarikat yang kecil-kecilan itu diperbesar-besarkan, tetapi kita kurang bersetuju sekiranya semua 65 syarikat itu dijadikan satu atau dua. Apa yang kita buat ialah menggalakkan beberapa syarikat ini bercantum (merge), bukan kepada satu atau dua tetapi beberapa syarikat dua-tiga itu kumpulan-kumpulan menjadi satu syarikat yang agak lebih besar tetapi itu pun terpulanglah kepada syarikat-syarikat yang berkenaan. Kita tidak dapat memaksa, cuma kita harap dengan menambah Klausula 6c ini memaksa mereka menjadikan modalnya paling kurang \$5 juta, mana yang tidak mampu bersendirian barangkali terpaksa bercantum-cantum hingga menjadikan agak besar sedikit. Lagi pun kalau setakat bercantum sahaja sedangkan modalnya tidak bertambah kita rasa dari segi keupayaan menanggung risiko tidak bertambah kerana modalnya tidak bertambah. Syarikat insurans itu berupaya membeban lebih risiko sekiranya modal ditambah. Maka itulah kita cadangkan di sini supaya modal minima sekarang dijadikan \$5 juta, yang \$1.5 juta kita minimakan kepada \$10 juta. Kita percaya dengan cara demikian yang kecil-mecilan itu akan menjadi besar, yang tidak berupaya menambah modal bukan secara paksaan, barangkali bercantum-cantum menjadi besar.

Tuan Yang Dipertua, satu lagi perkara yang agak perlu juga diingatkan kembali di sini iaitu kita sedar bahawa seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Senator tadi lebih kurang \$220 juta wang telah mengalir keluar akibat terpaksa direinsurakan keluar tetapi tiap-tiap reinsurer itu terpaksa juga menanggung risiko-risiko dan kalau terdapat kecelakaan, pembayaran di atas perkara-perkara yang diinsure itu harus membayar. Di dalam tahun 1981 sahaja wang yang mengalir ke dalam

akibah bayaran ialah \$93 juta. Ertinya kalau kita hendak mengatakan banyak wang yang keluar kita tidak boleh lupa memberitahu Dewan ini bahawa ada juga wang yang masuk, kalau tidak nanti maklumat yang diberi itu agak tidak seimbang.

Terdapat aliran keluar sebanyak \$220 juta tetapi aliran masuk ialah lebih kurang \$93 juta bagi tahun 1981.

Tuan Yang Dipertua, saya rasa itulah lebih kurang yang dapat saya perkatakan mengenai pandangan-pandangan yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi dan sekali lagi saya mengucapkan terima kasih di atas sokongan-sokongan yang telah diberi kerana nampaknya tidak lain tidak bukan tiap-tiap yang telah memberi pandangan itu menunjukkan bahawa syarikat-syarikat insurans harus diperbesarkan yakni sejajarlah dengan apa yang telah kita cadangkan di sini.

Tetapi sebelum saya duduk, Tuan Yang Dipertua, inginlah saya menyentuh sedikit tentang penyusunan semula seperti yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd. Nor. Sebenarnya pada waktu ini akibat dari arahan yang telah diberikan Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan pada awal tahun lepas di mana tarikh terakhir ialah 15hb April 1982, sekarang ini kebanyakan syarikat-syarikat insurans cawangan asing yang terdapat di Malaysia ini telah sama ada menyusun semula ataupun mengemukakan cadangan-cadangan untuk menyusun semula yang telah diterima dan diluluskan oleh Bahagian Insurans, Kementerian Kewangan. Hanya tinggal 2-3 sahaja lagi cadangan yang tidak dapat diterima, tetapi syarikat-syarikat berkenaan telah pun diminta mengemukakan cadangan penyusunan semula yang baru dan kita harap akan dapat menerima cadangan

penyusunan semula itu. Saya percaya, Tuan Yang Dipertua, tidak berapa lama lagi cadangan-cadangan akan diterima ke tangan kita dan kita akan meneliti sama ada cadangan-cadangan itu boleh diterima atau tidak.

Jadi itulah sahaja, Tuan Yang Dipertua, yang dapat saya jelaskan mengenai dengan pandangan-pandangan yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

Tuan Yang Dipertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang yang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang Dipertua *memperkerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 37

Dato' Haji Mohd. Nor Mohamad: Tuan Pengerusi, mengenai Fasal 1 hingga 37 saya tidak ingin memanjangkan lagi kerana Rang Undang-undang ini pada pendapat saya amatlah baik untuk negara pada saat ini. Yang saya hendak bangkitkan di sini adalah satu-satu perkara yang saya musykilkan di dalam segi tulisan dan saya ingin sedikit sebanyak penjelasan.

Tuan Pengerusi, Fasal 4 berkenaan dengan pindaan kepada Seksyen 3, Seksyen 4 subseksyen (2) (b) dan (2) (c). Ini dalam bahasa Inggeris, izinkan saya baca:

“3. (1) Subject to this Act, insurance business shall not be carried on in Malaysia by any person as insurer except—

(a) x x x x x x x

(b) x x x x x x x

No such company or society shall carry on life business or general business or both in Malaysia as insurer unless—

(a) x x x x x x x

(b) in the case of a company as defined in the Companies Act 1965 and a society mentioned in subsection (1) (b), it maintains at all times a surplus of assets over liabilities of not less than the amount prescribed under section 4 (4) (a) (i) or twenty per cent (di sini saya hendak mendapat penjelasan) of its net premium income in the preceding financial year, whichever is the greater;

Tuan Pengerusi, seperti diulas oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, angka 20% ini telah ditingkat daripada angka asal iaitu sebanyak 15% ataupun \$1,000 “whichever is the greater”. Sekarang tingkatnya naik sebanyak 5%. Di sini saya ada satu soalan untuk penjelasan: kenapa angka 20% sahaja digunakan untuk penyimpanan di dalam cadangan syarikat-syarikat insurans. Jika kita hendak membesar ataupun mengukuhkan lagi kedudukan syarikat-syarikat insurans, maka angka 5% peningkatan ini pada pendapat saya adalah sedikit. Jadi saya ingin sedikit sebanyak penjelasan di situ.

Di dalam subseksyen 4 (c) pula:

“(c) in the case of a company incorporated outside Malaysia (perkataan yang saya hendak ulas di sini ada “outside Malaysia”), it maintains in Malaysia at all times a surplus of assets in Malaysia over liabilities in Malaysia of not less than the amount prescribed under section 4 (4) (a) (i) or twenty per cent (di sini juga saya hendak ulas), of its net premium income in Malaysia in the preceding financial year, whichever is the greater.”

Di dalam hujah saya sebelum itu, Tuan Pengerusi, saya menyatakan terlalu banyak wang negara kita mengalir keluar. Di sini nampaknya undang-undang kita cuma menyekat sebanyak 20% sahaja; 80% boleh dikeluarkan. Jadi penjelasan saya sama ada saya baca secara betul atau tidak undang-undang ini tetapi saya ingin penjelasan sama ada apa pendapat saya ini betul atau tidak, yang 20% sahaja perlu disimpan di negara dan 80% boleh dibawa balik keluar negara.

Tuan Pengerusi, izinkan saya pula menyentuh seksyen yang sama iaitu Seksyen 4, subseksyen (4) yang mengatakan di sini:

“(4) (a) that the insurer was not carrying on nor proposing to carry on that class of business in Malaysia as insurer otherwise than by the collection or receipt of premiums on those policies;”

Ini, Tuan Pengerusi, kedudukannya nampak syarikat-syarikat insurans dari luar negara boleh menjalankan perniagaan di negara kita. Di sini sungguhpun ia tidak membuat perniagaan di negara kita, ia boleh

membuat "collection or receipt of premiums" atas polisi-polisi yang dijual dari luar negeri. Saya ingin menjelaskan kedudukan subseksyen ini sama ada betul atau tidak bahawa syarikat-syarikat luar negeri dapat menjual dari luar negeri dan memungut premium untuk di bawa keluar negeri.

Tuan Pengerusi, izinkan saya merujuk Fasal 10, muka 5, Seksyen 11 Akta Ibu adalah dipinda dengan (a) meninggalkan para (a) dan (b) subseksyen (2) dengan yang berikut:

- (a) the value of Malaysian assets as specified in the Second Schedule, with any such additions as are permitted by subsection (3), is not less than eighty per cent of the total value of the assets of the fund;"

Di sini dengan tegasnya kedudukan bahawa syarikat-syarikat boleh mengeluarkan pelaburan sebanyak 20% ke luar negara. Cuma 80% perlu disimpan di dalam negara. Juga saya ingin penjelasan mengapa pelaburan di luar negara perlu dimasukkan sebagai satu kelulusan undang-undang diberi kepada syarikat-syarikat insuran. Dan di sebaliknya, muka 6, penggal yang atas,

- "(b) the value of investments in securities if the Federal Government issued in Malaysia is not less than twenty-five per cent of the total value of the assets of the fund".

Adakah ini bermakna syarikat-syarikat insuran cuma dipatuhi menyimpan sebanyak 25% daripada pelaburan-pelaburan mereka di dalam Kerajaan Persekutuan. Itu saya ingin sedikit penjelasan. Saya fikir Fasal 15, muka 7, adalah baik, satu provisi yang baru di mana pemegang-pemegang polisi nyawa boleh membatalkan (cancelled) polisi mereka jikalau ada

perkataan-perkataan di dalam Kertas Perjanjian yang tidak memuaskan dan di sini Seksyen 15D (1).

"15D. (1) A policy owner may, within fourteen days after the delivery of a life policy to him or, if delivered at his residence, to a person who is resident therein, return the policy to the insurer with an objection in writing to any term or condition of the policy and the insurer shall forthwith refund any premium."

Itu perkataan yang saya hendak ulaskan "shall forthwith refund any premium which has been paid in respect of the policy which shall thereupon be cancelled".

Tuan Pengerusi, tadi disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa jika seseorang itu tidak puas dengan kata-kata Kertas Perjanjian, maka ia boleh membatalkan polisi nyawa itu yang sesudah-sudahnya ia rugi tetapi sekarang sebagaimana disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, dia tidak rugi, syarikat insuran akan memulangkan (reimburse) wang secara penuh. Itu perkataan Yang Berhormat Timbalan Menteri, "secara penuh". Tetapi di dalam undang-undang ini tidak disebut secara penuh. Itu penjelasan saya yang saya ingin penerangan sama ada syarikat-syarikat insuran boleh memotong daripada bayaran pertama itu atas kos-kos mereka seperti pemeriksaan doktor dan lain-lainnya. Jika seperti disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, alhamdulillah, syukurilah saya, itu saya ingin penerangan.

Tuan Pengerusi, izinkan saya beralih kepada muka 11, seksyen 22, berkaitan dengan pindaan seksyen 20B (1):

"(1) No person shall act or hold himself out as an insurance broker unless he is a holder of a licence as an insurance broker granted by the

Director General and is a member of an association in insurance brokers.....”.

Di sini saya suka mengambil bersama-sama subseksyen 23 juga dengan perkataan yang sama untuk “adjuster”, muka 12-“bahawa seorang adjuster mestilah menjadi ahli, member of an association of adjusters approved by the Minister”. Ini adalah kedudukan yang baik yang meningkatkan lagi profesionalisma untuk brokers dan adjusters. Tetapi saya ingin sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada satu institusi brokers dan satu institusi adjusters telah diwujudkan dengan garis panduan tinggi atas profesionalisma mereka ini supaya mereka mengikut garis panduan profesionalisma dan tidak bekerja atau memberi pekerjaan yang buruk ataupun dalam bahasa Inggeris secara negligence.

Tuan Pengerusi, Fasal 24, ini adalah menyusahkan hati sedikit, kerana di sini kuatkuasa diberi kepada Director General, bila ia merasa curiga di atas sesuatu transaksi insuran jika orang-orang yang menerima premium bukanlah seorang broker atau adjuster. Seperti disebut dalam ini tanpa lesen granted under this Act. Pertanyaan saya, Fasal ini nampaknya telah diambil daripada tanggungjawab polis, kerana bila seseorang polis itu sebelum dia mengambil atau masuk ke satu-satu tempat, mereka perlu mendapat waran daripada mahkamah sebelum menyerbu dan menengok buku-buku akaun, rekod-rekod dan apa-apa lagi dokumen yang disebut di bawah undang-undang ini. Sama ada kuatkuasa ini terlampau sangat diberi kepada Director General of Insurance, saya perlu perkara ini dijelaskan. Kalau tidak dijelaskan, di kaji balik di masa yang akan datang dan jika tidak begitu bagus perlu dipinda.

Saya harap seksyen ini akan dipinda pada masa hadapan kerana seseorang yang commit this crime ataupun membuat perkara yang tidak betul macam ini pertamanya ia bukan pemegang lesen, ia cuma rakyat biasa. Bagaimanakah Director General hendak menangkap atau memeriksa seseorang yang tidak memegang lesen insuran bukan di bawah jurisdictionnya. Ini pada pendapat saya adalah tanggungjawab polis.

Seksyen 25 berkaitan dengan penilaian Actuary tiap-tiap tahun. Ini adalah perkara baik. Dahulu sebagai diterangkan Actuary valuation cuma dibuat tiga tahun sekali tetapi sekarang dibuat tiap-tiap tahun. Tetapi perbelanjaan menilai to quantify life policy amatlah susah dan menaikkan harga kos yang banyak. Tetapi jika syarikat-syarikat insuran tidak ada objection ataupun suka dengan perkara ini Alhamdulillah, tetapi kalau satu enforcement untuk menyusahkan syarikat-syarikat insuran, saya ingin Menteri yang berkenaan mengkaji balik perkara Fasal 25.

Tuan Pengerusi, Seksyen 32, di sini kurang dinyatakan tetapi pada pendengaran saya, Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menyebut tadi sama ada angka-angka itu diambil daripada peraturan yang saya tidak ada di sini wallahualam saya ingin sedikit penjelasan. Tetapi di sini menyatakan bahawa Seksyen 44 (1):

“44. (1) When a policy owner, in relation to any life policy or life policies, dies and on his death policy moneys are payable under the policy or policies, the insurer may make payment to a proper claimant such sum of the policy moneys as may be prescribed.....

perkataan "may be prescribed" yang saya hendak ulaskan:

...without the production of any probate or letters of administration and the insurer shall be discharged from all liability in respect of the sum paid.'

Seksyen ini adalah seksyen yang lama dengan had sebanyak \$20,000 sahaja dapat dibayar tanpa probet atau letters of administration. Sekarang undang-undang ini tidak menyebut sebanyak mana hadnya di dalam Rang Undang-undang tetapi sebagai saya nyatakan tadi, Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan 90% daripada quantified sum daripada angka yang di insured ataupun \$60,000 which ever is greater. Jadi saya ingin penjelasan dengan tepat perkara itu di mana agaknya rakyat semua seperti saya mengetahui bahawa kita boleh memungut 90% atau 60% kerana di dalam Seksyen ini tidak menyebut. Saya ingin sedikit penjelasan.

Seksyen 33, saya ingin ulaskan sedikit:

"44B. (1) Where there is any conflict or inconsistency between the provisions of the Act and those of the Companies Act 1965, the Contracts Act 1950 and the Co-operative Societies Ordinance, the provisions of this Act shall prevail."

Di sini saya ingin sedikit ulasan. The provisions of the Act shall prevail. Semalam kita ada satu Klausula atau satu Fasal yang serupa dengan ini berkaitan dengan Bank Islam bahawa Akta Bank Islam 1982 shall prevail juga di atas semua undang-undang ini dan saya kurang pasti sama ada banyak lagi undang-undang yang mengatakan this Act shall prevail over other undang-undang. Jika begitu kedudukannya, kita tidak jelaskan cuma kita katakan di sini kalaulah Akta Insuran ini shall prevail over the Companies Act dan juga Companies

Act menyatakan this Act shall prevail atas Insurance Act, apa kedudukannya, jadi tiap-tiap kali ada satu undang-undang selalu shall prevail on the other. Jadi saya ingin sedikit penjelasan, jikalau dua ini bertelingkah, yang mana prevail yang mana satu. Ini saya ingin sedikit penjelasan.

Tuan Pengerusi, yang akhirnya saya minta maaf kerana memanjangkan sedikit perkara ini tetapi maklumlah perkara ini perkara mustahak setiap Ahli di sini ada memegang atau mengambil insuran, jadi inginlah saya menanya lagi satu sebelum saya duduk.

"Seksyen 35;

(b) memotong perkataan-perkataan "to discharge, otherwise than with a view to profit, any functions of a public nature (including the provisions of public utility and similar services)" dalam paragraph 2".

Akibatnya dengan pemotongan ini adalah syarikat-syarikat insuran tidak boleh lagi melabur di dalam saham-saham atau bond di dalam bahasa Inggerisnya, Local Municipal Bond, dan Loan Debentures. Ini satu provision yang menyatakan syarikat-syarikat insuran tidak lagi dibenarkan melabur di dalam Local Municipal Bond dan juga Loan Debenture.

Di sini saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri mengapakah sekatan-sekatan di buat atas syarikat insuran melabur kewangan mereka di dalam Local Municipality Bond dan Loan Debentures. Dengan itu, Tuan Pengerusi, saya minta maaf memanjang perkara ini kerana adalah sedikit sebanyak penjelasan yang saya mungkin dapat daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri dan

sekali lagi saya menyokong undang-undang ini dengan sepenuh-penuhnya tetapi jika ada sedikit sebanyak perkataan yang salah di dalam ini, saya tidak menentang tetapi berharap pada masa hadapan akan dikaji untuk diperbaiki.

5.57 ptg.

Tuan Sabbaruddin Chik: Tuan Pengerusi, saya tidak bercadang hendak menghabiskan masa Dewan yang mulia ini kerana yang dipinta hanyalah penjelasan. Saya bukan seorang peguam juga bukan seorang pakar dalam bahasa Inggeris walaupun saya mendapat pelajaran di dalam bahasa Inggeris. Tetapi saya hendak tunjuk satu sahaja yakni di muka 7, Seksyen 15D (1) di situ ada ditulis di mana Yang Berhormat Senator Dato' ingin mengetahui berkenaan dengan perkara ini. Dan saya terpaksa baca, walaupun saya tidak suka membaca sekali lagi. Di baris yang kelima:

“15D (1)

x x x x x x x x x x x x x x x x x-
x x x x x x x x x x x x x x x x
the insurer with an objection in
writing to any term or condition of
the policy and the insurer shall
forthwith refund any premium
which has been paid in respect of the
policy which shall thereupon be
cancelled”.

Jadi, saya rasa kalau penerangan-penerangan seperti ini yang dikehendaki juga penerangan-penerangan yang lain yang saya lihat, saya rasa tidak perlu dijawab, saya cuma ambil ingatan kalau sekiranya pandangan-pandangan itu berguna, kita akan gunakan di masa hadapan. Sekian, Terima kasih.

Fasal 1 hingga 37 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan:

Dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.00 ptg.

Menteri Pelajaran (Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud): Bismillahirrahmanir rahim. Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan Suatu Akta untuk meminda Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang Dipertua, izinkan saya menjelaskan tujuan pindaan ini dibuat. Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 adalah merupakan satu Akta yang memberi peruntukan-peruntukan menubuh, menyelenggara dan mentadbirkan universiti-universiti dan institusi pelajaran tinggi di negara kita. Akta yang tersebut adalah menentukan bahawa semua universiti yang ditubuh di negara kita adalah tertakluk kepada peruntukan-peruntukan yang ada di dalamnya diasaskan mengikut peraturan-peraturan yang tertentu dengan mempunyai corak dan identiti kebangsaan demi kepentingan negara.

Peruntukan-peruntukan yang ada sekarang di dalam Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 tidak membolehkan sesuatu projek yang berkonsep atau bercorak universiti antarabangsa yang dianjurkan bersama oleh Kerajaan asing atau organisasi antarabangsa dengan Kerajaan Malaysia menerusi satu perjanjian atau triti atau konvensyen dilaksanakan. Jadi untuk mengatasi masalah yang dihadapi maka adalah perlu supaya Akta ini dipinda dan

dicadangkan bahawa satu peruntukan baru perlu diadakan di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971. Peruntukan baharu ini hendaklah mengecualikan suatu institusi tinggi yang bertaraf universiti seperti universiti antarabangsa daripada peruntukan-peruntukan di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 yang ada sekarang.

Cadangan untuk meminda Seksyen 5 Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 adalah satu cadangan baharu untuk membolehkan Kerajaan melaksanakan projek-projek penubuhan yang bercorak antarabangsa pada bila-bila masa.

Tuan Yang Dipertua, sebagai menyambut keputusan yang dipersetujui oleh negara-negara Islam di dalam persidangan "The First World Conference on Muslim Education" di Mekah dalam tahun 1976 yang mana Malaysia telah mengambil bahagian dan selaras dengan hasrat Kerajaan kita meninggikan syiar Islam, maka Malaysia bercadang hendak menubuhkan sebuah universiti Islam antarabangsa yang bercorak dan bersifat Islam di mana pengetahuan dan pelajaran boleh diberi mengikut falsafah dan konsep Islam dan ilmu pelajaran dapat dipelajari dan diselidiki di dalam suasana institusi yang berteraskan Islam. Universiti ini bukannya satu universiti yang hanya mengajar pengajian-pengajian Islam. Ini bermakna di universiti ini akan diajar semua bidang ilmu sains dan teknologi dalam berbagai disiplin seperti universiti-universiti biasa. Walau bagaimanapun, konsep, prinsip dan falsafah yang akan digunakan dalam disiplin-disiplin ini adalah berdasarkan kepada konsep-konsep falsafah-falsafah dan perspektif Islam. Corak dan sifat keislaman universiti ini akan dibayangkan dalam struktur akademik

dan kurikulumnya. Setiap pelajar akan didedahkan kepada kursus-kursus seperti tamadun Islam, pandangan Islam terhadap ketuhanan, kemanusiaan, kedudukan alam dan sejarah yang akan dijadikan kursus-kursus teras dalam program-program akademiknya kelak. Dengan ini pengetahuan dan pelajaran boleh diberi mengikut falsafah dan konsep Islam di samping dapat dipelajari dan diselidiki di dalam suasana institusi yang berteraskan Islam. Dengan konsep seperti ini adalah diharapkan pelajar-pelajar yang keluar daripada universiti ini akan lebih sedar atas hubungan mereka dengan agama dan masyarakat.

Tuan Yang Dipertua, sebagaimana yang kita ketahui bahawa Islam telah memberikan sumbangan yang banyak dalam berbagai ilmu pengetahuan. Sumbangan itu telah bermula dari pengajaran Nabi Muhammad s.a.w. di mana orang-orang Islam yang berilmu, dengan izin, Islamic Scholars telah dapat mengembang dan menyebarkan ilmu pengetahuan termasuklah ilmu sains untuk menambahkan ilmu pengetahuan manusia sejagat. Kegiatan Islamiah inilah yang hendak dihidupkan semula di kalangan ummah dan khususnya di kalangan interlektual Islam sendiri. Oleh itu, adalah amat diharapkan mudah-mudahan Universiti Islam Antarabangsa yang dicadangkan ini akan dapat memainkan peranan yang murni, penting dan universal.

Saya yakin bahawa penubuhan Universiti Islam Antarabangsa ini akan dapat memberi peluang yang lebih luas kepada pelajar-pelajar yang ingin menuntut di institusi pelajaran tinggi yang berorientasikan Islam. Seiring dengan itu adalah menjadi cita-cita dan keazaman kita untuk menjadikan institusi ini sebagai sebuah universiti yang ternama di dunia. Sesungguhnya dengan

penubuhan universiti ini akan menjadi satu alternatif kepada pelajar-pelajar dari negara-negara Islam di seluruh dunia terutama pelajar-pelajar di rantau Asia dan Afrika yang tidak mendapat peluang melanjutkan pelajaran mereka di universiti-universiti.

Tuan Yang Dipertua, apabila kita lihat dan amati perkembangan ilmu pengetahuan, terutama dalam bidang sains dan teknologi hari ini semacam terdapat konsep-konsep ilmu yang tidak seiring dan kurang sesuai dengan akidah Islam, maka dengan tertubuhnya universiti ini kelak penyelidikan dan pengkajian terhadap konsep-konsep dan teori-teori sains akan berlandaskan kepada prinsip-prinsip dan falsafah ilmu serta pendidikan Islam. Usaha-usaha ke arah mencapai objektif ini adalah akan dilaksanakan oleh para kakitangan dan pelajar-pelajar universiti tersebut dan hasilnya kelak akan disebar serta diamalkan oleh masyarakat Islam di merata dunia. Walau bagaimanapun proses ini akan mengambil masa tetapi insya Allah akan menjadi satu reality jika usahanya dimulakan ke arah tersebut. Prinsip-prinsip dan falsafah Universiti Islam Antarabangsa berdasarkan kepada prinsip-prinsip dan falsafah ilmu pendidikan Islam yang disyorkan oleh The First World Conference on Islamic Education yang dianjurkan oleh Kementerian Pelajaran Tinggi Arab Saudi di Mekah pada tahun 1976.

Tuan Yang Dipertua, mengikut falsafah ini tujuan-tujuan pendidikan adalah untuk pengisian peranan manusia sebagai khalifah di bumi, sebagai hamba Allah dan makhluk yang ditugaskan membangun dunia, alam dan masyarakat atau sebagai manusia yang sentiasa berhubung dengan manusia dan berhubung dengan Allah. Pendidikan yang dikehendaki oleh Islam ialah satu proses latihan pembelajaran dan

pengukuhan keahlian yang membolehkan manusia itu membangun dirinya, masyarakatnya dan alam sekitarnya dalam rangka mengabdikan diri kepada Allah dan mendapat kerelaanNya.

Ilmu pengetahuan adalah disifatkan sebagai amanah dari Allah yang harus dipupuk dan dipelihara dengan cara-cara yang dikehendaki oleh Allah. Ilmu-ilmu dalam pandangan Islam adalah bersifat sepadu (integrated). Ini termasuklah ilmu-ilmu yang diwahyukan oleh Allah dan ilmu-ilmu yang diperolehi melalui daya fikir dan usaha manusia (acquired knowledge). Dengan itu satu kumpulan ilmu pengetahuan teras (co-knowledge) akan dijadikan teras kurikulum pelajaran dan pendidikan. Ilmu teras ini terdiri dari bidang akidah, syariah serta akhlak serta lain-lain bidang yang berkaitan. Bidang-bidang tersebut akan menjadi ilmu yang diwajibkan kepada semua pelajar universiti. Dengan tertubuhnya projek Universiti Islam Antarabangsa ini di Malaysia, negara kita akan menjadi satu pusat tumpuan kepada cerdik pandai umat Islam, tumpuan dan kehadiran cendekiawan Islam ini nanti akan mengeratkan lagi hubungan dan tali persaudaraan ummah di antara negara kita dengan negara-negara Islam di dunia. Begitulah, Tuan Yang Dipertua, di antara tujuan-tujuan penubuhan Universiti Islam Antarabangsa ini.

Tuan Yang Dipertua, Akta Universiti dan Kolej Universiti yang ada sekarang mempunyai beberapa peruntukan yang diadakan khas untuk penubuhan universiti-universiti tempatan sedangkan Universiti Islam Antarabangsa pula ditaja oleh negara-negara asing bersama negara kita dan mempunyai ciri-ciri yang tersendiri sama ada dari segi pengurusan,

pengawasan, bahasa penghantar dan lain-lain. Untuk membolehkan universiti seperti ini ditubuhkan di negara kita maka perlulah pindaan kepada Akta Universiti dan Kolej Universiti seperti yang dicadangkan ini dibuat. Adanya peruntukan baru ini maka dapatlah kita menubuhkan sebuah Universiti Islam Antarabangsa yang ditaja oleh negara-negara Islam bersama negara kita. Kelainan yang ada pada universiti yang ditaja ini adalah sesuai dengan hasrat Universiti Islam yang bertaraf antarabangsa. Jadi, apa yang patut saya tegaskan berhubung dengan pindaan ini ialah universiti ini hanya dapat ditubuhkan menurut satu treaty atau perjanjian atau konvensyen di antara Kerajaan Persekutuan dengan mana-mana negara asing atau organisasi-organisasi antarabangsa. Jelasnya dengan adanya peruntukan ini maka dapatlah kita menubuhkan sebuah universiti yang ditaja bersama oleh negara Islam seperti yang dicadangkan itu. Dengan hal yang demikian, sukacita saya menyatakan di dalam Dewan yang mulia ini bahawa sambutan dari negara-negara Islam tentang penubuhan universiti ini sangat-sangat menggalakkan kita.

Kesan lawatan saya dan rombongan ke Arab Saudi dan negara Kuwait dan Emriah Arab Bersatu baru-baru ini telah menguatkan lagi keyakinan kita untuk menubuhkan Universiti Islam Antarabangsa ini. Ketiga-tiga negara yang kita lawat itu telah mengesahkan bahawa mereka memberi sokongan penuh dan positif kepada Kerajaan Malaysia dalam penubuhan Universiti Islam Antarabangsa di Malaysia. Maka dengan adanya sokongan dari negara-negara Islam seperti ini, saya yakin bahawa penubuhan universiti ini akan memberi banyak manfaat kepada negara kita khususnya akan dapat merapatkan lagi hubungan kita dengan dunia Islam seluruhnya dan insya Allah cita-cita kita akan tercapai.

Tuan Yang Dipertua, izinkan saya menerangkan pindaan-pindaan kepada Akta Universiti dan Kolej Universiti ini dengan satu persatunya mengenai seksyen-seksyen yang dipinda.

Clause 2 seksyen 5 mengikut sebutan sekarang, seksyen 5 berbunyi:

“Tiada sesuatu yayasan pelajaran tinggi bertaraf Universiti boleh ditubuhkan kecuali mengikut peruntukan Akta ini”. Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 yang disebutkan Akta Ibu dalam Akta ini adalah dipinda dengan menggantikan perkataan “tiada” dengan perkataan “tertakluk kepada seksyen 5A tiada”. Dengan itu sebutan yang dicadangkan kepada seksyen 5 ini ialah “tertakluk kepada seksyen 5A tiada sesuatu yayasan pelajaran tinggi bertaraf universiti boleh ditubuhkan kecuali mengikut peruntukan Akta ini.”

Clause 3 Akta Ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas sahaja seksyen 5, seksyen baru 5A yang berikut:

“5A. (1) Peruntukan-peruntukan Akta ini tidak terpakai bagi sesuatu institusi pelajaran tinggi yang bertaraf Universiti yang dibenar ditubuhkan di bawah suatu perintah yang dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong di bawah subseksyen (2).

(2) Yang di-Pertuan Agong boleh melalui perintah yang disiarkan di dalam *Warta* membenarkan penubuhan sesuatu institusi pelajaran tinggi yang bertaraf Universiti, apa jua nama atau stailnya, jika dia berpuas hati bahawa ianya akan ditubuhkan menurut sesuatu triti, perjanjian atau konvensyen di

antara Persekutuan dengan mana-mana negara lain atau menurut mana-mana perjanjian di antara Persekutuan dengan sesuatu organisasi antarabangsa.”.

Mengenai Huraian, Tuan Yang Dipertua, seperti di muka 2, para 1 dalam Rang Undang-undang ini, “..... mengadakan peruntukan-peruntukan untuk membolehkan sesuatu yaysan pelajaran tinggi bertaraf Universiti ditubuhkan jika yaysan atau institusi itu dicadangkan di bawah anjuran menurut sesuatu triti, perjanjian atau konvensyen di antara Kerajaan Persekutuan dengan mana-mana negara lain atau organisasi-organisasi antarabangsa”.

Clause 4 seksyen 15 (1), paragraph (1) subseksyen 1, seksyen 15 Jadual kepada Akta Ibu adalah dipinda dengan memasukkan sebelum sahaja perkataan “Peguamcara”, perkataan-perkataan “Peguam Negara” atau jika Peguam Negara adalah seorang Anggota Parlimen atau dilantik selainnya daripada kalangan anggota Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan.

Mengenai Huraianya, Rang Undang-undang ini juga bertujuan supaya Peguam Negara jika dia dilantik daripada kalangan anggota Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan menjadi anggota Majlis Universiti dan Kolej Universiti dan bukannya Peguamcara atau wakilnya yang hanya akan menjadi anggota sekiranya Peguam Negara adalah seorang anggota Parlimen atau dilantik selainnya daripada kalangan anggota Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan, iaitu untuk menggantikan keahlian dalam Majlis-majlis Universiti bagi Peguamcara Negara kepada Peguam Negara atau wakilnya sebagai Ketua Jabatan Peguam Negara setelah jawatan

Peguam Negara dipegang oleh pegawai daripada Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan.

Clause 4 (2) seksyen 30 Jadual dalam teks bahasa Inggeris Akta Ibu adalah dipinda dengan memotong perkataan-perkataan “within one month after the same shall have been made or done”.

Mengenai Huraian Rang Undang-undang ini juga bertujuan untuk meminda Jadual teks bahasa Inggeris supaya selaras dengan teks Bahasa Malaysia di mana tempoh untukewartakan mana-mana statut atau Akta yang baru atau pindaan atau pembatalannya tidak dinyatakan iaitu untuk menyelaraskan teks dalam bahasa Inggeris dengan teks dalam Bahasa Malaysia kepada seksyen 30 (1) Jadual kepada Akta ini.

Tuan Yang Dipertua, saya suka menegaskan sekali lagi bahawa dengan pindaan seksyen 5 yang dicadangkan maka dapatlah sebuah universiti bercorak antarabangsa seperti Universiti Islam Antarabangsa ini ditubuhkan sebagai satu yaysan pelajaran tinggi yang tidak terikat dengan Akta ini dan membolehkan ia berjalan mengikut asas dan prinsip-prinsip yang tertentu sesuai dengan sebuah Universiti Islam Antarabangsa yang dibiayai oleh umat Islam seluruh dunia dan ditaja bersama melalui satu treaty atau perjanjian oleh negara-negara Islam. Adalah diharapkan dengan penubuhan universiti ini maka dapatlah kita melangkah setapak lagi ke hadapan untuk meningkatkan lagi usaha-usaha kita memperkembangkan perpaduan Islam seluruh dunia khususnya di rantau ini dan kita berharap satu perubahan positif dalam pengintegrasian nilai-nilai dan falsafah Islam terhadap ilmu pengetahuan di samping itu dapatlah juga kita menambahkan peluang kepada anak-anak kita mendapat pelajaran tinggi.

Oleh itu saya sekali lagi memohon sokongan yang sepenuhnya dari Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Haji Mohamed Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin): Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang Dipertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

6.23 ptg.

Tan Sri Dato' Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Tuan Yang Dipertua, saya dengan rasa rendah hati mengalu-alukan Rang Undang-undang ini dibawa ke Dewan ini iaitu pindaan kepada Akta Ibu bagi membolehkan ditubuh sebuah Universiti Islam Antarabangsa. Dan ini satu ucapan tahniah kepada Kerajaan kerana banyak nikmat yang didapati daripada tertubuhnya universiti itu kelak, bukan sahaja dapat memperkenalkan negara kita dalam dunia pelajaran kepada dunia antarabangsa, akan tetapi dapat merapatkan lagi perhubungan di antara negara-negara Islam atau negara-negara Afro-Asia kerana ianya kelak akan menerima penuntut daripada negara-negara tersebut.

Saya rasa bersyukur kepada Tuhan bukan sahaja Kerajaan kita sanggup mengeluarkan kewangan akan tetapi pada budibicara Kerajaan kita telahpun membuat perundingan dengan negara-negara sahabat terutama sekali negara-negara Islam akan pengakuan dan sokongan mereka bukan sahaja dari peringkat semangat tetapi juga kebendaan dan

kewangan dan saya rasa dengan izin Allah akan tertubuhlah Universiti Islam ini mengikut Rang Undang-undang yang akan diluluskan kelak. Walaupun pada permulaan ini akan ditubuhkan di Petaling Jaya dan akhirnya akan mempunyai bangunan sendiri dan kawasan sendiri di tempat yang menasabah yang dicadangkan dan dipersetujui oleh Kerajaan iaitu sesuai dengan taraf dan kedudukan sebuah Universiti Islam Antarabangsa.

Daripada berita yang bukan rasmi saya mendengar bahawasanya Universiti itu kelak akan didirikan dalam negeri Pahang. Ini pun satu perkara rahmat, bukan sahaja tertubuhnya universiti akan tetapi akan dapat membuka, dan membangunkan negeri Pahang dan ini saya hargai pandangan tinggi Kerajaan bak kata pepatah: Mencari yang hilang, mengutip yang cicir, dan ini satu rahmat kepada negeri Pahang dengan terbukanya universiti itu bukan sahaja dapat kita menyalurkan pengetahuan yang tinggi dari segi falsafah Islam akan tetapi boleh juga membaiki, membangun kawasan sekitar sekelilingnya bagi kebaikan dan dapat manfaat dari penubuhan universiti itu kelak pintu rezki rakyat akan lebih terbuka.

Negeri Pahang telah pun banyak berjasa bagi membuka rancangan FELDA kepada rakyat negara ini termasuk rakyat Perlis, Pulau Pinang, Kedah, Negeri Sembilan, Johor dan sebagainya yang datang membuka tanah bersama-sama menjadi orang Pahang, membuka hutan, meneroka sebagai rakyat yang biasa. Bahkan hampir 1/5 daripada kawasan negeri itu sendiri sekarang dibuka kepada FELDA dan peserta diterima daripada rakyat seluruh negara kita. Maka daripada budi itulah yang saya hormati kepada Kerajaan yang mencadangkan pula sebuah universiti didirikan di negeri yang banyak,

bukan banyak memberi tetapi banyak bersama-sama dengan rakyat kita, satu hadiah yang sangat bagus dan satu kehormatan kepada rakyat negeri Pahang yang dhaif, Tuan Yang Dipertua. Walau pun dhaif, tetapi hatinya serupa dengan orang yang termulia, hanya yang arif juga yang tahu kaca dan batu. Apatah lagi apabila berita ini disebut untuk didirikan di Pahang maka riuilah Dewan Rakyat, Tuan Yang Dipertua, mengungkit-ungkit bahkan mencadangkan supaya didirikan di negeri-negeri lain. Kita alangkah hiba hati, Tuan Yang Dipertua, rupanya puas sungguh ditanam emas, kemili juga berisi. Sudah puas memberi emas, panggil peserta FELDA kepada orang daripada seluruh negara, daripada ditubuhkan Pahang Tenggara, jengka dan sebagainya, bahkan 2/3 daripada peserta FELDA itu sendiri bukan terdiri anak negeri Pahang tetapi mereka juga tidak membalas budi, rasa muhibbah, rasa berbangsa yang sama maka tidak patut perkara ini diungkit supaya di bawah ke Kedah umpamanya, atau dibawa ke sana sini tetapi al-hamdulillah Tuhan Maha Adil, Kerajaan kita tetap dengan pendirian yang kukuh—dibukalah di kawasan Fraser's Hill.

Saya berterima kasih, Tuan Yang Dipertua, pada satu masa terserempak dengan Yang Berhormat Menteri Pelajaran di Lapangan terbang, beliau bersama-sama dengan Penasihat Majlis Kewangan Negara Kerajaan Saudi Arabia, melawat kawasan itu dan saya pergi ke Kuantan kerana perkara yang tersendiri tetapi walau macam manapun, saya berasa bangga, saya diperkenalkan dengannya: inilah Ahli Penasihat Kementerian Kewangan Arab Saudi yang akan menengok tapak Universiti Islam Antarabangsa di Bukit Fraser itu.

Walaupun pada musim tak sesuai, lawatan itu pada bulan November-Disember, musim hujan, tetapi tak apa. Inilah semangat yang saya selalu kembalikan, yang saya sumbangkan, saya tidak memandangkan kenegerian, malahan Sabah, Sarawak sama keadaannya dengan negeri saya, Tuan Yang Dipertua, keretapi pun masih pada kelas tiga, tak ada lampu, tandas terkunci tetapi kata pepatah: daripada cempedak, baiklah nangka, pada tidak, biarlah tak apa.

Tuan Yang Dipertua, dengan penubuhan Universiti ini kelak sebagaimana saya kata tadi satu rahmat bukan sahaja kepada rakyat negeri Pahang juga kepada rakyat Malaysia dan kepada orang bukan Melayu sendiri, kerana bahasa yang digunakan itu akan menggunakan dua bahasa—Arab dan Ingeris. Hanya berfalsafahkan Islam. Banyak penuntut-penuntut bukan Melayu belajar di Convent—Sekolah Padri, tetapi tidak semua orang Cina atau orang Melayu masuk Christian. Begitu juga kepada Universiti ini kelak bukan bermakna satu impian, satu tarikan supaya mereka mesti menganuti agama Islam tetapi kalau dengan kerelaan hati mereka, itu adalah hak perseorangan antara dirinya dengan Tuhan, dengan Allah.

Tuan Yang Dipertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, waktu sudah cukup.

Tan Sri Dato' Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Terima kasih.

Tuan Yang Dipertua: Mesyuarat ditangguhkan sekarang sehingga pukul 3.00 petang hari esok, 7hb Januari, 1983.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.